

BAB 4

KEGIATAN ORANG CINA DALAM POLITIK, 1950-1960

Selepas Perang Dunia Kedua, pihak British telah memberi kerajaan sendiri yang merdeka kepada India, Pakistan, Ceylon dan Burma. Begitu juga pihak British telah mengadakan perubahan-perubahan perlembagaan baru yang membawa kepada kerajaan sendiri untuk tanah jajahannya di Afrika, Hindia Barat dan lain-lain. Perubahan-perubahan juga diadakan bagi Persekutuan Tanah Melayu.¹ Tiap-tiap perubahan itu telah menarik perhatian penduduk Sarawak. Namun demikian Sarawak telah mengalami perubahan taraf politik daripada negeri naungan kepada tanah jajahan selepas Perang Dunia Kedua. Kerajaan British kemudian berjanji akan memimpin penduduk Sarawak ke arah berkerajaan sendiri dan kemudian kemerdekaan bagi negeri Sarawak.

Tidak dapat dinafikan bahawa pihak British memang bersedia memandu negeri Sarawak ke arah berkerajaan sendiri. Kesediaan kerajaan British untuk menuaikan janjinya hendak memberi kemerdekaan kepada Brunei, Borneo Utara dan Sarawak dapat dibuktikan melalui satu kenyataan oleh D.C. White, Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei ketika beliau berada di Kuala Lumpur. Beliau menyatakan kerajaan British sedia memberi kemerdekaan kepada daerah-daerah jajahannya di Borneo sekiranya penduduk di kawasan tersebut sanggup menerimanya.² Begitu juga Menteri Hal-Ehwal Tanah Jajahan, Lord Perth menyatakan bahawa pihak mereka

telah melakukan apa sahaja yang mungkin dalam usaha memandu penduduk negeri Sarawak ke arah berkerajaan sendiri, tetapi terdapat dua perkara yang amat penting yang perlu dipertimbangkan iaitu kesediaan ke arah berkerajaan sendiri dan ekonomi berdikari. Dalam hal ini beliau menyatakan:

We are already doing all that we can to guide the peoples of Sarawak and other territories towards the goal of self-government . . . Firstly, that the country has made sufficient progress in self-government and secondly, it economically can stand on its own feet.³

Ini juga dapat dibuktikan melalui dasar yang diikrarkan oleh kerajaan Seri Baginda Queen iaitu hendak memandukan penduduk Sarawak ke arah pemerintahan sendiri.⁴ Menurut Profesor C.A. Fisher dari Universiti Sheffield semasa Forum Kuala Lumpur berkaitan isu Malaysia di Dewan British Council pada bulan Mei 1962 bahawa Britain sentiasa bersedia memimpin negeri-negeri jajahannya ke arah kemerdekaan.⁵

Di samping itu Persidangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1960 telah meluluskan resolusi 1514 (XV) bagi memerdekakan tanah-tanah jajahan dan menjamin masa depan penduduknya. Di antara lain resolusi itu berbunyi:

Convinced that all peoples have as inalienable right to complete freedom, the exercise of their sovereignty and the integrity of their national territory. . . declares that all peoples have the right to self-determination, by virtue of that right, they freely determine their political status and freely pursue their economic, social and cultural development.⁶

Berdasarkan kepada ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas, nyatalah masa akan

tiba juga di mana pihak kerajaan British terpaksa memberi kemerdekaan kepada tanah jajahannya. Pada peringkat itu, perkataan “kerajaan sendiri” dan “kemerdekaan” menjadi sebutan setiap hari di seluruh Sarawak. Ada pihak yang menyatakan kerajaan sendiri dan kemerdekaan dahulu, kemudiannya barulah perkara-perkara lain. Ada pula orang menyatakan penyatuan dahulu dan kemudian barulah kerajaan sendiri dan kemerdekaan.⁷

Kaum-kaum dalam Sarawak belum lagi bersatu disebabkan oleh perasaan perkauman masih bermaharajalela.⁸ Perasaan perkauman mesti dihapuskan sebelum penyatuan dapat dicapai. Jikalau perasaan perkauman itu masih ada dan belum lagi ada penyatuan, tetapi sesuatu kaum itu mahu berkerajaan sendiri dan merdeka, maka itu adalah bererti kerajaan sendiri dan kemerdekaan bagi kaum itu sahaja. Dengan itu kaum itulah yang akan memegang tampuk kerajaan Sarawak. Dalam hal yang demikian tiap-tiap usaha mestilah diarahkan kepada penghapusan perasaan perkauman dan terciptanya penyatuan yang kukuh barulah Sarawak dapat mencapai kerajaan sendiri dan kemerdekaan bagi semua kaum di Sarawak.

KEGIATAN ORANG CINA TAHUN 1950-AN

Sepanjang tempoh 1950-an, kegiatan orang Cina lebih berkisar kepada pertikaian dan kebimbangan terhadap dua dasar kerajaan yang telah melahirkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat terhadap pemerintahan tanah jajahan oleh kerajaan British. Dua dasar yang dimaksudkan di sini ialah berkaitan dengan kenaikan kadar lesen perniagaan dan Kertas Putih mengenai bantuan kewangan

kerajaan dalam pelajaran. Walau bagaimanapun akhirnya suasana tegang yang wujud di antara pihak kerajaan dengan orang Cina Sarawak dapat dikurangkan. Namun dua dasar tersebut telah memberi peluang kepada para nasionalis Cina untuk mendapat sokongan dalam kegiatan politik di Sarawak kemudiannya. Orang Cina yang mengetuai penentangan terhadap dasar kerajaan dalam bidang pelajaran dan lesen perniagaan itu kemudian menjadi penggerak utama ke arah pembentukan parti politik yang pertama di Sarawak. Ia juga menunjukkan bermulanya keinginan untuk bertindak ke arah berkerajaan sendiri.

Kenaikan Lesen Perniagaan

Dalam krisis ini rasa tidak puas hati wujud kerana Majlis Negri menyemak semula kadar lesen perniagaan pada bulan Disember 1954 yang bertujuan menaikkan bayaran lesen perniagaan bagi menampung keperluan semasa. Ini kerana perlu ada keseimbangan di antara hasil dan perbelanjaan negeri. Hasil negeri dalam tahun 1954 kurang daripada perbelanjaan, maka bayaran lesen perniagaan dinaikkan bagi menutup kekurangan itu.⁹ Mengikut rancangan itu dijangkakan dapat menghasilkan lebihan pendapatan kerajaan sebanyak M\$3.5 juta setahun¹⁰ yang membolehkan kerajaan menyediakan perkhidmatan sosial dan pentadbiran yang lebih sempurna serta memenuhi perbelanjaan yang semakin meningkat dalam usaha kerajaan memperluaskan perkembangan pelajaran di Sarawak.

Setiausaha Kewangan, J.C.H. Barcroft telah mengeluarkan satu kenyataan setelah sidang Majlis Negri bersidang pada awal Disember 1954. Di antara lain

dinyatakan:

Bayaran ini ada bermachan2. Mithalnya, pada masa ini dalam pasar2 yang besar, seperti Kuching, Sibu, Sarikei dan Miri, maka peniaga borong membayar \$400 sa-tahun, dan dalam pasar2 lain yang lebih kecil, dia membayar \$200. Pada tahun depan adalah dichadangkan peniaga borong itu yang membawa barang2 masok dan keluar hendaklah membayar \$4,000 tiap2 tahun atau, jika dalam sa-buah pasar yang kecil, dia, membayar \$2,000.¹¹

Ini bermakna kadar bayaran lesen perniagaan telah dinaikkan setinggi sepuluh kali ganda. Peniaga-peniaga terpaksa membayar \$2,000.00 atau \$4,000.00 berbanding dengan \$200.00 dan \$400.00 sebelumnya. Untuk tujuan itu pusat-pusat perniagaan di negeri Sarawak akan dibahagikan kepada dua kategori. Peniaga-peniaga di bazar besar seperti Kuching, Miri dan Sibu akan dikenakan bayaran dua kali ganda berbanding dengan perniagaan di bazar kecil. Contohnya, perniagaan import eksport di Miri yang membayar \$400.00 pada tahun 1954 dikehendaki membayar \$4,000.00 pada tahun 1955. Manakala di bazar kecil bayaran lesen perniagaan ialah \$2,000.00 pada tahun 1955.¹²

Dasar ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1955. Kesan daripada dasar ini dipercayai sejumlah peniaga terpaksa meninggalkan perniagaan mereka kerana tidak mampu menanggung bayaran itu. Kenaikan bayaran lesen perniagaan itu amat mengejutkan penduduk di seluruh Sarawak, terutamanya orang Cina. Ini kerana majoriti peniaga adalah orang Cina dan kesannya akan lebih dirasai oleh mereka berbanding dengan kaum-kaum lain. Meskipun cuma sedikit penduduk Bumiputera yang berniaga tetapi dikhuatirkan mereka juga harus gulung tikar kerana mereka

adalah peniaga yang kurang berpengalaman dan kekurangan modal¹³ berbanding dengan peniaga Cina.

Orang Cina dan persatuan perniagaan telah mengadakan bantahan di seluruh Sarawak dengan menutup kedai di bandar dan di desa. Seorang ketua Cina di Sibu bernama Ting Lik Hung mewakili para peniaga Cina Sibu telah mengirim satu talikawat kepada Tuan D.C. White (Residen Bahagian Ketiga), Khoo Peng Loong (ahli tidak rasmi Majlis Negri bagi Bahagian Ketiga) dan Tan Eui Chun (ahli tidak rasmi Majlis Negri bagi Bahagian Pertama) membantah langkah kerajaan menaikkan lesen dagangan dan juga mencadangkan supaya pihak pemerintah mengurangkan perbelanjaan.¹⁴

Protes bermula di Sarikei. Dewan Perniagaan Cina Sarikei telah memutuskan untuk menutup kedai pada sepuluh hari pertama tahun baru (1955) sebagai tanda membantah kenaikan bayaran lesen perniagaan. Dewan Perniagaan Binatang juga memutuskan untuk menutup kedai mengikut jejak peniaga-peniaga di Sarikei. Dewan Perniagaan Sibu juga mengambil keputusan untuk menutup kedai dan melaksanakan tiga hari harta¹⁵ iaitu dari 8 hingga 10 Januari 1955. Manakala Mukah memutuskan tutup kedai sehari iaitu pada 13 Januari 1955.¹⁶

Dalam pada itu mesyuarat diadakan di Dewan Perniagaan Cina, Kuching pada 30 Disember 1954 dan telah mencapai keputusan menutup kedai termasuklah kedai-kedai India serta Melayu mulai 7 Januari hingga 9 Januari 1955 untuk selama tiga hari sebagai tanda membantah kenaikan lesen perniagaan. Di Kuching, pasar-pasar sayur dan daging juga turut ditutup dalam tiga hari tersebut. Perkhidmatan teksi

diberhentikan selama tiga hari di Kuching dan semua panggung wayang juga ditutup dalam tempoh tersebut.¹⁷

Setelah mengetahui kadar bayaran lesen perniagaan, Dewan Perniagaan Miri dengan segeranya telah mengadakan satu mesyuarat dan menghantar telegram kepada Majlis Tertinggi di Kuching untuk merayu supaya Miri dikecualikan daripada kadar kenaikan bayaran tersebut. Telegram berkenaan mencatatkan:

We appeal for your sympathetic consideration on increased trading licence to exclude Miri from category of big bazaars, considering that Miri was under total destruction last war, newly built and assisted by Government loan First, commercial situation poor Second, local produce scarce Third, import-export figures small Fourth, industrial area with limited labour Grateful your consideration.¹⁸

Dengan itu hortal merebak ke Bintulu, Miri dan seluruh Sarawak. Hartal di Sarawak merupakan satu tindakan protes yang pertama kali berlaku dalam sejarah rakyat negeri ini. Dalam tempoh tersebut perniagaan laut di pusat-pusat tersebut juga diberhentikan kerana pengimport enggan menghantar barang mereka. Pemilik bas dan teksi juga diarahkan menghentikan perkhidmatan mereka sebagai protes menentang rancangan kerajaan itu.

Pada 1 Januari 1955, organisasi perniagaan telah menghantar wakil mereka untuk berbincang dengan kerajaan berhubungan dengan perkara kenaikan lesen perniagaan. Wakil dari semua pusat perniagaan berkumpul di Kuching untuk menyampaikan perasaan dan fikiran mereka kepada kerajaan. Rayuan dan tindakan hortal itu memberi kesan kepada kerajaan. Kerajaan menangguhkan pelaksanaan

kenaikan lesen perniagaan itu. Satu kenyataan telah dikeluarkan dan disiarkan dalam *Utusan Sarawak* untuk makluman umum bahawa kerajaan Sarawak telah menimbangkan rayuan dari dewan perniagaan dan lain-lain pertubuhan. Pengumuman keputusan kerajaan untuk pengetahuan orang ramai adalah seperti berikut:

- 1 Untuk memberi masa kepada perniagaan2 dimasok ke dalam Jadual bagi Undang-undang Lesen Perniagaan supaya mereka itu boleh membetulkan urusan2 mereka untuk menemui kenaikan2 bayaran2 lesen, maka bayaran2 lesen itu boleh dibayarkan dengan chara bulanan dalam 6 bulan yang pertama bagi tahun 1955.
- 2 Sebuah Jawatankuasa akan ditubuhkan bagi menyelidiki keadaan2 tidak adil yang tertentu nampak berkenaan dengan chara melesen perniagaan2 ya'ni sebenar-nya di bawah chara baru sekarang bahawa seseorang importir kecil adalah membayar bayaran lesen yang sama seperti seorang importir besar, & Jawatankuasa akan menjemput bantuan dan nasihat wakil-wakil dari Dewan2 Perniagaan bagi menyediakan report bahawa adalah perubahan2 Jadual itu dikehendaki.
3. Report Jawatankuasa itu akan dengan penuhnya dibincangkan dalam sidang Council Negeri yang akan datang dan perubahan2 akan dichadangkan oleh kerajaan dimana perubahan2 ini nampaknya dikehendaki dan perlu.¹⁹

Kemudiannya sebuah jawatankuasa penyelidikan yang dianggotai oleh wakil dari setiap bahagian di Sarawak telah dibentuk bagi mengkaji perkara tersebut. Tiga bulan kemudian, satu skim pelesenan baru yang lebih sederhana telah diperkenalkan.²⁰

Peristiwa tersebut adalah satu contoh penting di mana kerajaan kolonial terpaksa berdepan dengan protes kerana melaksanakan polisi yang baru tanpa meminta nasihat ketua-ketua komuniti. Orang Cina telah bangkit mempertahankan kepentingan-kepentingan mereka di Sarawak dan membantah ketidakadilan yang

dikenakan oleh pihak kerajaan kolonial.

Akta Bantuan Kewangan dalam Pelajaran

Peristiwa kedua yang menimbulkan tentangan daripada orang Cina Sarawak ialah berkaitan dengan Kertas Putih Kerajaan mengenai pelajaran yang berdasarkan Penyata Woodhead.²¹

Sebenarnya sejak pemerintahan Brooke, pendidikan di kalangan orang Cina tidak diberi perhatian berbanding dengan kaum Melayu. Kaum Melayu diberikan keutamaan dalam soal pendidikan. Keadaan itu menyebabkan golongan Cina yang kaya atau ketua kumpulan dialek menggunakan inisiatif sendiri untuk mendirikan sekolah Cina. Buku-buku dan guru-guru diambil dari Negara China. Orang Cina dengan sekolah mereka sendiri, mementingkan pelajaran tentang kebudayaan dan sejarah Negara China. Soal pembiayaan, kakitangan dan sukatan pelajaran sekolah-sekolah Cina adalah di luar tanggungjawab dan kuasa Jabatan Pelajaran.²² Perkembangan pelajaran Cina selepas perang memaksa pihak kerajaan bertindak untuk campur tangan dalam soal pelajaran di sekolah-sekolah Cina. Ini kerana pihak kerajaan mendapati pelajar-pelajar di sekolah Cina semakin cenderung ke arah pemikiran kerajaan komunis di Negara China yang dibentuk pada tahun 1949. Oleh kerana perkembangan ini, kerajaan melakukan percubaan mengawal pengurusan sekolah dan perkembangan pelajaran Cina agar tidak diserapkan dengan idea komunis.

Lantaran itu pihak kerajaan bertindak dengan mengumumkan Kertas Putih dan

Akta Bantuan Kewangan (The Grant Code 1955) yang dikuatkuasakan mulai pada 1 Januari 1956.²³ Kertas Putih berhubungan dengan pembiayaan pelajaran negeri Sarawak telah dibahaskan dalam Majlis Negri dan diluluskan oleh Gabenor pada bulan Oktober 1955.²⁴ Kertas Putih ini mencatatkan hendaklah diadakan yuran sekolah yang sama dan menggalakkan ibu bapa memberi pendidikan yang tinggi kepada anak-anak mereka. Kertas Putih ini juga menyatakan bantuan diberi kepada kanak-kanak yang kurang mampu tetapi berkebolehan serta perkhidmatan pelajaran hendaklah dibayar dari tabung kerajaan pusat dan tempatan.²⁵ Menurut Akta Bantuan Kewangan tersebut, semua sekolah dipelawa untuk membuat permohonan bagi mendapat bantuan kewangan kerajaan dengan syarat kerajaan menguasai kandungan sukanan pelajaran dan soal perlantikan, perpindahan termasuk penyingkiran guru-guru mesti mendapat kelulusan dari Jabatan Pelajaran.²⁶ Ini bermakna kerajaan ingin mengawal sekolah-sekolah melalui satu sukanan pelajaran yang sama. Jadi seolah-olah syarat-syarat yang terkandung dalam Akta Bantuan Kewangan memaksa orang Cina menerima campur tangan kerajaan dalam sistem pelajaran mereka. Nampaknya tujuan utama Kertas Putih ialah untuk menjadikan sekolah Cina sebagai sekolah bantuan kerajaan. Justeru itu rasa tidak puas hati timbul di kalangan orang Cina kerana untuk layak mendapat bantuan kewangan kerajaan, mereka terpaksa mengubah sistem pelajaran sekolah Cina selaras dengan dasar kerajaan untuk menyeragamkan sistem pelajaran di Sarawak.²⁷

Kertas Putih ini disifatkan oleh Pengarah Pelajaran, H. Earnshaw sebagai menandakan “saman” baru dalam rancangan perkembangan pelajaran, iaitu suatu

suasana yang amat penting untuk kemajuan dan kemewahan Sarawak.²⁸ Sementara itu Kertas Putih telah menimbulkan penentangan yang hebat daripada orang Cina kerana mereka berpendapat bahawa kerajaan berniat untuk menghapuskan sekolah Cina. Padahal kerajaan cuba menyekat penyerapan idea komunis ke dalam negeri ini. Telegram yang menyokong bantahan orang Cina terhadap akta kerajaan itu telah diterima dari seluruh Sarawak oleh Jawatankuasa Pelajaran Cina.

Penduduk Bumiputera Sarawak tidak mengambil berat tentang akta itu berbanding dengan orang Cina. Ini kerana mereka percaya melalui akta itu, segala gaji, elauan guru-guru dan perbelanjaan sekolah akan dibayar oleh pihak kerajaan. Padahal mereka perlu mengambil perhatian bahawa bantuan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat tertentu dan syarat-syarat itu perlu dipenuhi sebelum bantuan diberi.

Setelah beberapa bulan cadangan kerajaan yang hendak menjalankan peraturan baru terhadap bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah di Sarawak dibahaskan, akhirnya pada 20 November 1955, satu jawatankuasa sementara telah ditubuhkan oleh orang Cina dari seluruh Sarawak hasil cadangan orang Cina di Sarakei. Wakil dari setiap bahagian telah menghadiri satu mesyuarat yang dianjurkan oleh Lembaga Pelajaran Cina di Dewan Perniagaan Cina di Kuching.²⁹ Mesyuarat itu memutuskan satu resolusi dengan cara mengundi. Keputusan undian menunjukkan 13 suara menyokong penerimaan bantuan kerajaan, 12 suara meminta menangguhkan penerimaan bantuan itu dan tidak ada suara membantah.³⁰ Ini bermakna orang Cina telah menerima peraturan baru kerajaan itu.

Dalam pada itu ada pihak yang memberi cadangan membina kepada kerajaan berkaitan dengan perkembangan pelajaran di Sarawak. Chieng Hie Kwong dari Majlis Luar Bandar Sibu secara umumnya berpendapat pihak kerajaan harus mengembangkan pelajaran peringkat menengah dengan menambahkan kelas-kelas di sekolah. Beliau seterusnya menyatakan terdapat kritikan yang luas tentang polisi kerajaan dalam usaha mengembangkan sistem pelajaran menengah di bawah sistem memilih pelajar.³¹

Walau bagaimanapun sejak itu kebanyakan sekolah-sekolah Cina telah menjadi sekolah bantuan kerajaan. Sehingga akhir tahun 1955 hampir kesemua sekolah di Sarawak telah membuat permohonan mendapat bantuan kerajaan. Sebanyak 550 buah sekolah dan lebih kurang 2,000 orang guru telah diterima di bawah Akta Bantuan ini. Pada penghujung tahun 1956 sudah terdapat 607 buah sekolah bantuan dengan 67,754 orang pelajar berbanding dengan 31 buah sekolah tanpa bantuan dengan sejumlah 1,272 orang pelajar. Misalnya, pada tahun 1961, 11 daripada 16 buah sekolah menengah Cina telah menjadi sekolah bantuan kerajaan. Lima buah sekolah yang tidak layak menerima bantuan itu dikenali sebagai sekolah swasta.³²

Dua peristiwa besar di atas telah dapat memperlihatkan orang Cina mula mengambil perhatian yang serius terhadap tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan tempatan. Keadaan itu lebih nyata lagi apabila Presiden China, Zhou En-lai (周恩来) memberi satu ucapan penting kepada orang Cina Seberang Laut pada tahun 1955. Beliau mengkehendaki orang Cina memberi taat setia dan mengambil bahagian dalam

politik tempat yang mereka berada itu. Dalam hal ini beliau menyatakan:

The relationship between China and overseas Chinese is likened to one between parents and their off-springs. When children have grown up, parents don't like their children to stay with them forever, they should do something in the outside world. Similarly, China would like to see overseas Chinese standing on their own feet, they should develop and take roots outside China. They must respect the local laws, behave as loyal citizens and take part in the political activities there.³³

Ucapan Zhou itu meninggalkan kesan yang penting dalam sanubari setiap orang Cina yang menyebabkan mereka mula mengubah sikap mereka selama ini. Inilah faktor penting yang membawa kepada penglibatan orang Cina dalam politik tempatan kerana mereka mulai memikirkan kedudukan dan masa depan di negeri Sarawak. Orang Cina mula menganggap Sarawak sebagai tanahair mereka dengan menggerakkan kempen menentang pemerintahan tanah jajahan British seperti yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan perniagaan dan pertubuhan buruh di Sibu dan Kuching. Keadaan bertambah rancak lagi apabila parti politik pertama ditubuhkan di Sarawak pada tahun 1959 yang dimonopoli oleh orang Cina.

PENGARUH KOMUNIS DI SARAWAK

Pada masa yang sama, pihak kerajaan di Sarawak juga berasa bimbang tentang perkembangan komunis serta penyerapan ideologi komunis di kalangan orang Cina Sarawak. Ideologi itu masuk ke Sarawak melalui pelbagai saluran, seperti melalui sekolah, organisasi dan media massa yang akan menimbulkan kekacauan di negeri ini.

Di wilayah Borneo, perkembangan pengaruh komunis adalah lebih jelas di Sarawak. Sarawak terdedah kepada pengaruh komunis dari tanah besar China kerana penduduk Cina yang ramai dan mengekalkan hubungan rapat dengan Negara China serta pendidikan bercorak China yang diikuti oleh pelajar Cina di Sarawak. Perkembangan ini telah menimbulkan keimbangan pihak kerajaan kerana guru-guru, pemuda-pemudi dan pelajar-pelajar yang cenderung kepada politik Negara China adalah penyokong parti komunis sedangkan mereka merupakan golongan berpendidikan dan bersemangat kuat. Ideologi komunis juga meresap masuk ke dalam kesatuan sekerja dan cuba mempengaruhi tenaga buruh di Sarawak.

Pergerakan komunis di Sarawak telah bermula sejak zaman pendudukan Jepun lagi. Aktivitinya banyak disertai oleh petani-petani miskin yang tertarik dengan idea perjuangan pergerakan komunis iaitu masyarakat sosialis dan tanpa kelas. Majoriti daripada mereka yang memberi sokongan kepada pihak komunis ialah petani-petani Hakka yang tinggal di kawasan Batu Kawa di luar bandar Kuching.³⁴

Pergerakan komunis di Sarawak muncul dengan giat berikut dengan kejayaan pembentukan kerajaan komunis di Negara China. Republik Rakyat China (RRC) telah diisytiharkan di Peking pada bulan Oktober 1949.³⁵ Pembentukan RRC disambut dengan meriah oleh orang Cina Sarawak. Ia bermula di Kuching pada 28 Januari 1950, seterusnya di Bau, Sibu, Miri dan seluruh Sarawak.³⁶ Keadaan bertambah giat apabila pada tahun 1950, RRC menghantar wakil untuk menyeru orang Cina Seberang Laut supaya terus menyokong Negara China. Akibatnya seramai 200 hingga 300 orang Cina di Kuching dan Sibu telah pulang ke Negara China antara

tahun 1949 hingga 1952.³⁷ Keadaan itu mendorong golongan pemuda Cina menyusun sebuah persatuan persahabatan pro-Peking yang dikenali sebagai Sarawak Overseas Chinese Democratic Youth League (SOCDYL) yang dibentuk pada 21 Oktober 1951. Tujuannya ialah untuk menyebarkan fahaman komunis dan mengeksplorasi sesuatu keadaan yang boleh menguntungkan perjuangan komunis. Dalam hal ini SOCDYL memberi keutamaan untuk mempengaruhi penuntut sekolah. Namun begitu kerajaan Sarawak telah bertindak menyekat Liga tersebut daripada bergerak secara terbuka sebagai sebuah pertubuhan komunis di Sarawak.³⁸

SOCDYL telah dibubarkan kemudian dan diganti dengan Sarawak Liberation League (SLL) yang dibentuk pada bulan Mac 1954. SLL bertujuan untuk memperkuatkan barisan perjuangan komunis di Sarawak. Selain mempengaruhi penuntut sekolah, mereka mahu menjadikan petani dan pekerja sebagai sasaran kerana kedua-dua golongan ini diperlukan untuk mencapai matlamat perjuangan mereka. Petani dan pekerja boleh diperalatkan untuk menentang kapitalis dan juga imperialis.³⁹ SLL pula kemudiannya diganti oleh sebuah pertubuhan komunis lain iaitu Sarawak Advanced Youth Association (SAYA) yang dibentuk pada tahun 1956. SAYA ditubuhkan untuk menghayati dan mengembangkan ideologi komunis di Sarawak. Penubuhan SAYA juga memperlihatkan dengan jelas bahawa ia adalah sebuah pertubuhan komunis yang memperjuangkan cita-cita komunis seperti berikut:

Persatuan Belia Maju Sarawak (SAYA) adalah organisasi massa yang progresif yang akan berkhidmat dan berjuang untuk menegakkan kebebasan dan demokrasi yang sebenar-benarnya di Sarawak. Semua ahlinya mesti bersungguh-sungguh mempelajari dan mengamalkan teori-teori Marxisme/Leninisme dan ideologi Mao Zedong serta menggunakan.⁴⁰

Pembentukan SAYA telah menyediakan peluang kepada pergerakan komunis untuk menjalankan kegiatannya dengan lebih aktif di Sarawak. Kegiatan itu dianggap oleh pihak kerajaan Sarawak sebagai Pertubuhan Sulit Komunis (Clandestine Communist Organisation/CCO).⁴¹ Ia juga dikenali sebagai Sarawak Communist Organisation (SCO). Matlamat utama ialah membebaskan Sarawak daripada belenggu penjajahan dan membentuk sebuah negara komunis yang merdeka. Keadaan menjadi lebih membimbangkan apabila CCO secara aktif menyokong pembentukan SUPP pada tahun 1959.⁴²

Tidak dapat dinafikan bahawa memang terdapat bukti yang menunjukkan adanya kegiatan subversif yang boleh mengganggu ketenteraman dan keselamatan dalam negeri Sarawak. Pengaruh komunis meresap masuk ke dalam pelbagai pertubuhan dan pergerakan demi mencapai cita-cita politik mereka. Sekolah-sekolah diumpamakan sebagai “tanah yang subur”, manakala penuntut dianggap sebagai “perintis dan jambatan” untuk pergerakan subversif itu menjalankan kegiatannya.⁴³

Utusan Sarawak melaporkan terdapat tiga orang Cina telah ditangkap dan dihadap ke mahkamah di Kuching berhubung dengan kesalahan di bawah Undang-Undang Fasal Pertubuhan. Mereka ini ialah Lee Ping Hang (20 tahun) daripada puak Kantonis; Teo Ah So (20 tahun) dan Go Ek Tian (17 tahun) daripada puak Teochew.⁴⁴ Di samping itu juga dilaporkan bahawa pihak polis telah menjumpai kira-kira 300 buku komunis yang termasuk dalam senarai larangan dalam satu serbuan di kawasan Batu 17 Jalan Kuching/Serian.⁴⁵

Sementara itu Fu Tze Man⁴⁶ telah dibuang negeri pada penghujung tahun 1960

kerana telah melakukan kegiatan subversif yang boleh merosakkan keamanan negeri Sarawak. Dia ditangkap di bawah perintah buang negeri yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha menurut kuasanya di bawah bahagian lima daripada undang-undang orang yang tidak dikehendaki.⁴⁷ Begitu juga dua orang pelajar Cina berumur 22 tahun bernama Tan Yang Meng dan Chan Wan Leung ditangkap kerana didapati menyimpan buku-buku yang diharamkan oleh pihak kerajaan Sarawak.⁴⁸ Begitu juga seorang gadis Cina bernama Tan Suk Kim telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah kerana didapati memiliki dokumen komunis.⁴⁹

Kewujudan pengaruh komunis di Sarawak juga dapat dibuktikan melalui poster anti-komunis yang dirampas oleh pihak polis di pusat-pusat penting di kawasan Kuching. Di antara cogan kata dalam poster itu termasuklah “Beware of C.C.O. Treachery”, “Down With Communism” dan “Deport All Mao Tse Tung Agents In Sarawak”.⁵⁰ Adanya penyerapan pengaruh komunis di Sarawak juga terbukti melalui titah Queen dalam suatu majlis berkenaan dengan Perlembagaan Sarawak pada tahun 1956. Dalam hal ini beliau menyatakan pihak kerajaan mempunyai bukti yang menunjukkan kewujudan pertubuhan komunis di Sarawak. Seterusnya beliau menyatakan pertubuhan itu merupakan pertubuhan sulit tetapi bergerak cergas serta disusun dan dipimpin dengan rapi.⁵¹

Pengaruh komunis juga telah meresap ke dalam sekolah-sekolah Cina di Sarawak sebagaimana yang dikatakan oleh Gabenor Sarawak, A.F. Abell kepada *The Straits Times* pada 26 March 1952, iaitu “Communism ada dalam sekolah-sekolah China dan sedang dikawalkan dengan cermat-nya.”⁵² Ahli-ahli Lembaga Pengelolaan

Sekolah Methodist Sibu telah diberi amaran dalam surat yang dihantar oleh Parti Komunis Rakyat Sarawak berikutan dengan penutupan Bahagian Pelajaran Cina sekolah itu kerana beberapa kes penentangan pelajar tentang keputusan pihak sekolah dalam menukarkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah itu pada tahun 1957.⁵³ Surat ugutan yang dikatakan daripada Parti Komunis Rakyat Sarawak juga telah diterima oleh Ting Lik Hung, Pengurus Lembaga Pengelolaan Sekolah Methodist, Sibu. Pihak komunis telah membuat empat tuntutan yang mesti dibalas dalam tempoh 24 jam.⁵⁴

Pada tahun 1951, kerajaan mendakwa Persatuan Pelajar Sekolah Menengah Chung Hua Kuching dipengaruhi fahaman komunis. Tiga bulan kemudian pihak pengurusan sekolah hilang kawalan terhadap sekolah itu. Perkara ini bermula dengan desakan pelajar supaya mempertimbangkan semula keputusan peperiksaan bahasa Inggeris yang majoritinya gagal. Sebahagian daripada pelajar itu mula mogok. Seramai 17 orang pelajar dibuang sekolah dan enam orang ditahan oleh pengetua sekolah. Desakan ini membawa kepada pembentukan Lembaga Pengurusan baru pada 17 Januari 1952. Persatuan Belia Cina Seberang Laut Kuching yang menyokong pelajar-pelajar itu juga diisytiharkan sebagai pertubuhan menyalahi undang-undang pada bulan Februari 1952 oleh kerajaan. Berikutannya pengetua dan lima orang guru Sekolah Rendah Chung Hua di Batu 17, Kuching juga ditahan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan subversif. Tiga orang guru yang lain pula dibuang negeri. Sekolah Rendah Chung Hua ditutup pada bulan Ogos 1954 dan kerajaan mendapati cara yang paling berkesan untuk mengawal sekolah Cina adalah melalui pemberian bantuan

kewangan. Oleh itu Akta Bantuan Kewangan diperkenalkan pada tahun 1955.⁵⁵

Begitu juga dengan kes yang berlaku di kalangan pelajar Sekolah Menengah Chung Hua Miri pada Mac 1956, supaya pihak komunis dapat menegakkan kuasa di sekolah itu. Akhirnya ahli-ahli Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Chung Hua Miri diganti dengan mereka yang dilantik oleh kerajaan.⁵⁶ Tindakan ini bertujuan supaya fahaman komunis dapat disingkirkan dari sekolah tersebut.

Di samping itu fahaman komunis juga cuba disebarluaskan di kalangan pelajar melalui lagu-lagu yang diajar di sekolah-sekolah Cina. Contoh lagu adalah seperti berikut:

Although we are tired in bloody battle,
The flame inside our breasts burns the more fiercely,
We raise our bayonets and guns,
In response to leader's call,
To fight valiantly for our Fatherland.⁵⁷

dan seterusnya:

Sharpen the bayonets, sharpen the bayonets . . .
At night for sentry duty,
If anyone dares to attack us,
You shall pierce his dog's heart and bowels.⁵⁸

Lagu-lagu tersebut merangsang kekejaman dan penumpahan darah. Lagu bertemakan kezaliman dan hukuman ke atas orang Cina Sarawak itu didendangkan oleh pelajar dalam kumpulan muzik salah sebuah sekolah Cina di Sarawak. Sementara itu melalui lagu berikut fahaman ditanamkan kepada penduduk Sarawak, khasnya orang Cina bahawa hidup mereka dalam tekanan dan penindasan. Oleh itu

mereka harus belajar melawan dan membunuh atau dalam perkataan lain menggunakan kekerasan hingga bantuan datang dari tanah asal mereka iaitu Negara China Komunis. Lagu itu berbunyi:

I love my Sarawak.
Sarawak is my home,
I was not free in Japanese days,
But life is harder and sadder now
Fellow countrymen, arise!
Wait no more.⁵⁹

Dalam pada itu terdapat juga perkataan-perkataan yang mengandungi fahaman komunis dijumpai dalam album seorang pelajar perempuan Cina di Sibu. Perkara ini dilaporkan oleh *The Borneo Bulletin* bertarikh 26 September 1959 seperti berikut:

The people's suffering is as deep as the sea.
.They long for liberation day and night . . .
The Chinese Communist Party is like the Red Sun,
By its strength it liberates others.

Welcome to the Comfort Mission of our Fatherland.
We long for you as children pine for their mother.
You will bring light,
Bring warmth,
And even more so, unlimited strength.
Welcome, welcome,
Welcome to the dear ones from our Fatherland.
Please listen to our accusation against our persecutors.
Please listen to our most serious oath.
We will persist in our struggle against persecution.⁶⁰

Malahan sehingga lewat tahun 1963 dalam ulasan kerajaan berkenaan pelajaran telah membuktikan bahawa terdapat pengurus dan guru sekolah Cina tertentu yang menyalahgunakan kedudukan mereka menyebarkan rancangan sulit komunis.⁶¹ Jabatan Pelajaran memberi amaran bahawa tindakan akan diambil

terhadap guru sekolah Cina yang memberi syarahan bersifat komunis kepada penuntutnya. Tindakan itu akan menanam perasaan syak wasangka, permusuhan dan benci-membenci di kalangan para penuntut.⁶²

Pihak komunis juga cuba mendapat sokongan daripada pertubuhan-pertubuhan peladang di Sarawak. CCO merasakan sokongan daripada golongan itu adalah penting memandangkan 75% daripada penduduk Sarawak adalah peladang.⁶³ Mereka juga berjanji bahawa peladang tidak akan mengalami penindasan akibat eksploitasi ekonomi oleh tuan tanah sekiranya mereka menyokong perjuangan komunis.⁶⁴ Namun demikian pihak kerajaan telah menyebarkan risalah-risalah bertajuk “Communism And The Farmers” dalam versi bahasa Cina, bahasa Melayu dan Dayak yang bertujuan memberi kesedaran tentang niat pihak komunis menggunakan pertubuhan itu demi mencapai cita-cita mereka.⁶⁵ Kerajaan juga bertindak menolak pendaftaran pertubuhan peladang supaya tidak memberi peluang kepada pihak komunis meletakkan asasnya di Sarawak. Sarawak Farmers’ Association (SFA) yang dipercayai disokong oleh CCO ditolak pendaftaran pada Ogos 1961.⁶⁶ Dalam pada itu juga terdapat bukti bahawa pergerakan komunis cuba menyebarkan ideologinya di kalangan orang Cina yang tinggal di kawasan luar bandar.⁶⁷ Pihak komunis kurang berjaya dalam mempengaruhi peladang dan penduduk luar bandar di Sarawak secara keseluruhannya.

CCO juga cuba menyatukan semua kesatuan sekerja di Sarawak menerusi kegiatan sekolah malam, aktiviti sukan dan parti-parti politik, khasnya di Kuching dan Sibu. Pada masa itu hampir semua ahlinya terdiri daripada orang Cina.

Menyedari tentang rancangan CCO untuk membentuk Kongres Kesatuan Sekerja (Trade Union Congress/TUC) di Sarawak bagi menguasai semua kesatuan sekerja dan memperjuangkan kepentingan pihak komunis serta menguatkan perhimpunan anti-Britishnya, TUC telah ditolak pendaftaran pada tahun 1955.⁶⁸

Selain daripada saluran-saluran di atas, pihak komunis juga cuba menyebarkan komunisme melalui media massa. Ini dapat dilihat melalui sepucuk surat yang ditandatangani dalam bahasa Cina yang bererti Parti Komunis Rakyat Sarawak dan di bawahnya pula ada perkataan yang bererti Parti Merah Sarawak ditulis dalam bahasa Inggeris dan dialamatkan kepada semua kakitangan Radio Sarawak. Surat yang ditulis dalam bahasa Cina itu berbunyi seperti berikut:

Saya memberi amaran kepada tuan supaya jangan menyerang kami. Jika tuan-tuan sentiasa berbuat begitu maka jiwa tuan-tuan akan dalam bahaya. . . Adalah diharapkan bahawa tuan-tuan akan masok ke sebelah pihak kami, iaitu dunia socialist yang diketuai oleh Rusia dan disokong oleh China. Dalam siaran-siaran tuan janganlah lagi menyatakan bahawa ada anasir-anasir subversif dalam Sarawak, dengan begitu tuan-tuan akan selamat. Kami ada di mana-mana juga dalam Sarawak bersedia menentang orang-orang sayap kanan. Kami memberitahu tuan-tuan bahawa parti komunis akan hidup selama-lama dalam Sarawak. . .⁶⁹

Surat tersebut seterusnya menyatakan:

Lanjutlah usia PKRS. Lanjutlah usia-usia orang-orang yang cintakan komunis, bersifat damai dan demokratik. . . Berusahalah untuk kemerdekaan dan pemerintahan sendiri bagi Sarawak dan hapuskan sekalian yang memerintah itu.⁷⁰

Pihak komunis juga menyokong akhbar Cina di Sarawak sebagai alat propaganda pro-komunis. Akhbar pertama di bawah rangsangan CCO yang muncul

selepas perang ialah *Chung Hua Journal* (中华公报) yang diberhentikan penerbitannya pada tahun 1951. Berikutnya kawalan kerajaan terhadap penerbitan semakin meningkat. Di samping itu *Sin Wen Pau* (新闻报) di Kuching yang mula diterbitkan pada tahun 1959; *Min Chong Pau* (民众报) yang didaftarkan di Sibu pada tahun 1960 dan *Su Min Pau* (三民报) yang didaftarkan di Miri pada tahun 1961 juga mendapat sokongan CCO.⁷¹ Akhbar itu digunakan untuk menyebarkan idea mereka di kawasan bandar yang mempunyai penduduk Cina yang ramai. Ia juga cuba dibawa masuk ke Sekolah Chung Hua. Namun demikian ketiga-tiga akhbar itu telah diberhentikan penerbitannya oleh pihak kerajaan pada bulan Disember 1962.⁷²

Dengan itu jelaslah menunjukkan pihak komunis memang berusaha bersungguh-sungguh untuk menyebarkan pengaruh komunis di kalangan masyarakat dengan cuba mengambil semua saluran yang mungkin supaya idea komunis dapat dikembangkan dan cita-cita politik mereka akan menjadi realiti.

Kemuncak kepada pergerakan komunis di Sarawak ialah berlakunya keganasan komunis di Batu 27 Jalan Kuching-Serian pada bulan Ogos 1952. Sekumpulan ahli komunis yang terdiri daripada tiga lelaki dan seorang perempuan menyerbu kedai-kedai di kampung letaknya 11.25 batu dari bandar Kuching pada 6 Ogos 1952. Mereka mengugut tauke kedai memberi wang sebanyak \$10,000.00 tetapi tauke itu hanya mampu menyediakan wang sejumlah \$4,000.00. Mereka kemudian melarikan diri dengan kereta menuju ke arah Jalan Simanggang dan bertempur dengan pihak polis di Batu 27 Jalan Kuching-Serian. Seorang Koperal Polis, Natu ditembak mati oleh komunis dan dua polis cedera dalam kejadian itu.

Koperal Polis itu merupakan mangsa pertama keganasan komunis di Sarawak. Ekoran daripada kejadian itu, kerajaan telah mengisytiharkan Darurat di Bahagian Pertama Sarawak. Selain itu kerajaan juga menawarkan hadiah \$10,000.00 kepada sesiapa yang dapat memberi maklumat supaya tertangkapnya tiga lelaki dan seorang perempuan itu.⁷³ Berikutannya Kertas Putih berkaitan dengan “Penderhakaan Dalam Sarawak” yang bertujuan untuk menghapuskan anasir-anasir yang cuba menghancurkan keamanan negara telah diluluskan pada tahun 1956.⁷⁴

Di samping itu tindakan yang keras juga telah dilakukan oleh kerajaan di mana persatuan-persatuan yang menunjukkan kecenderungan kepada politik di Negara China telah ditutup dan penerbitan akhbar juga diberhentikan. Kerajaan juga menjalankan penangkapan, pengusiran keluar negeri bagi mereka yang menyokong kuat kepada parti politik di Negara China serta melarang kebebasan berkumpul. Di antaranya Persatuan Pemuda Sibu, Persatuan Pelajar Sekolah Chung Hua dan akhbar *Sibu Chiao Sheng Pau* diberhentikan operasinya pada tahun 1952. Begitu juga *Syn Ming Pau* (Sibu) disekat penerbitannya pada tahun 1957; *Sarawak Peoples' Daily* (Miri) yang diberhentikan keluarannya pada tahun 1962 dan *Chung Hua Kung Pau* (Kuching) dihadkan keluaran pada tahun 1951. Manakala *Sin Wen Pau* (Kuching), *Min Chong Pau* (Sibu) dan *Sa Min Pau* (Miri) telah diberi amaran kerana dipercayai telah cuba menyebarkan ideologi komunis di kalangan penduduk Sarawak.⁷⁵ Pihak kerajaan juga mengedarkan Kertas Putih untuk menyedarkan penduduk tentang kegiatan subversif di Sarawak.⁷⁶ Kertas Putih ini menerangkan sejarah pertubuhan komunis, tujuan dan polisinya yang sebenar di Sarawak. Pihak komunis cuba

menyebarluaskan sahaman mereka dengan menganjurkan kegiatan di sekolah dan kesatuan sekerja. Mereka juga berusaha untuk mempengaruhi penduduk luar bandar supaya menyokong perjuangan mereka.⁷⁷ Dengan itu keadaan menjadi tenang buat sementara tetapi tidak dapat dinafikan masih ada pengaruh komunis di Sarawak. Ini dapat dilihat melalui rancangan pembentukan Malaysia yang ditentang oleh Parti Komunis kerana kebimbangan tentang kedudukan masa depan orang Cina di Sarawak. Perkara itu telah menghangatkan lagi suasana politik di Sarawak pada tahun 1960-an. Pada tahun 1963, seramai 50 ahli CCO telah ditangkap oleh polis di Bahagian Pertama, Kedua dan Ketiga di Sarawak.⁷⁸

Segala usaha dan langkah yang diambil oleh komunis itu menunjukkan negeri Sarawak merupakan salah satu sasaran pihak komunis untuk menyebarluaskan ideologi mereka. Dua bandar terbesar di Sarawak iaitu Kuching dan Sibu dianggap sebagai kawasan hitam bagi kekuasaan komunis di Sarawak. Ini kerana kem-kem yang dibentuk oleh belia Cina untuk belajar “Hsueh-Hsiah”⁷⁹ di pinggir hutan banyak dijumpai di dua kawasan tersebut. Begitu juga pihak polis menjumpai sebuah kotak besar yang mengandungi dokumen komunis berhampiran Batu 21 Jalan Simanggang, Kuching.⁸⁰ Boleh dikatakan hampir kesemua mereka yang berkaitan dengan pergerakan komunis adalah terdiri daripada orang Cina. Ini kerana orang Cina adalah berakar umbi dari Negara China dan pengaruh komunis di Sarawak disebarluaskan dari Negara China. Dengan itu golongan ini mudah dipengaruhi oleh sahaman komunis yang cuba disebarluaskan dari Negara China. Penglibatan orang Cina dalam perkembangan pengaruh komunis telah membimbangkan kerajaan kerana mereka

adalah satu golongan yang penting di Sarawak dan kumpulan kedua besar di Sarawak. Kesedaran telah wujud di kalangan pihak kerajaan dan usaha-usaha telah dijalankan untuk membanteras ideologi komunis daripada terus berkembang di Sarawak. Usaha tersebut telah berjaya menghalang pihak komunis daripada mengambil alih pergerakan pertubuhan Cina, komuniti peladang serta pekerja, sistem pendidikan Cina, SUPP dan pencetakan Cina.

Pihak komunis telah berusaha bersungguh-sungguh dalam menyebarkan fahaman komunis di serata dunia dan mereka itu bercita-cita hendak menakluki dunia. Dalam hal yang demikian tidaklah menghairankan bahawa pengaruh komunis di Tanah Besar China boleh mempengaruhi orang Cina di Sarawak. Komunisme menyebabkan Sarawak tidak aman dan tenteram. Oleh sebab itu komunisme yang akan membawa penjajahan baru ke dalam negeri Sarawak ditentang habis-habisan. Salah satu faktor yang mempercepatkan pemberian kemerdekaan Sarawak oleh pihak penjajah melalui penyertaan Sarawak dalam Malaysia ialah keimbangan terhadap perkembangan pengaruh komunis di Sarawak. Tetapi ideologi komunis masih tidak dapat dibendung dengan sepenuhnya walaupun setelah Malaysia terbentuk. Namun demikian sekurang-kurangnya perkembangan komunis telah menyebabkan British memberi perhatian yang lebih terhadap orang Cina dan mempercepatkan lagi usaha ke arah berkerajaan sendiri dengan sekaligus meningkatkan kesedaran politik di kalangan orang Cina.

PILIHANRAYA KMC DAN SUDC

Selepas berakhirnya gerakan anti-penyerahan, pihak British sedar bahawa sudah wujud kesedaran di kalangan penduduk Sarawak untuk mengambil bahagian dalam politik tempatan. Lebih-lebih lagi apabila terdapat tekanan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memberi kemerdekaan kepada tanah-tanah jajahan menjelang tahun 1963. Dalam pada itu pihak komunis yang cuba mengembangkan pengaruhnya di Sarawak, khasnya di kalangan orang Cina turut mempengaruhi keputusan British untuk mempercepatkan pemberian kemerdekaan kepada Sarawak. Dengan itu pihak British mula menjalankan beberapa langkah untuk memberikan Sarawak taraf berkerajaan sendiri dan selepas itu kemerdekaan kepada Sarawak. Apabila Queen Elizabeth II menaiki takhta kerajaan di Britain pada tahun 1953, beliau mengambil keputusan bahawa Sarawak akan diberi kemerdekaan setelah penduduk mempunyai pengalaman yang secukupnya untuk menjalankan pemerintahan mereka sendiri.⁸¹ Ini jelas menunjukkan pihak British memang bersedia memberi kebebasan kepada Sarawak tetapi tertakluk kepada masa yang difikirkannya sesuai.

Sebagai persediaan untuk memberi taraf berkerajaan sendiri dan kemudian kemerdekaan kepada Sarawak, perubahan-perubahan telah dilakukan. Ini termasuklah meluluskan perlombagaan baru bagi Sarawak pada tahun 1956 di mana majoriti ahli tidak rasmi dalam Majlis Negri akan dipilih secara langsung dari Majlis Daerah Bandaran.⁸² Pilihanraya itu akan diadakan pada tahun 1959. Dengan itu ia bolehlah dikatakan sebagai satu langkah yang membenarkan penduduk mengambil bahagian dalam politik tempatan.

Pada 4 November 1956, pihak British telah mengadakan pilihanraya bagi KMC.⁸³ Pilihanraya itu merupakan percubaan kepada pilihanraya umum Sarawak yang akan diadakan pada tahun 1959. Untuk tujuan pilihanraya, Kuching dibahagikan kepada sembilan kawasan (ward). Dalam tujuh kawasan yang didominasi oleh orang Cina, ahli-ahli majlis Cina dipilih. Manakala ahli-ahli Melayu dipilih dalam dua kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang Melayu. Dalam pilihanraya KMC, di antara 12 orang Melayu hanya enam sahaja yang berjaya mendapat sokongan berbanding dengan 21 orang Cina. Di antara wakil Melayu yang dipilih ialah Dawi bin Abdul Rahman, Mohamad bin Haji Bakri, Ikhwan bin Zaini,⁸⁴ Haji Su'ut Tahir, Ahmad Zaidi Adruce dan Haji Mohamad Rambli bin Haji Leman. Wakil Cina yang berjaya menduduki KMC terdiri daripada William Tan (陈和全),⁸⁵ Teo Kui Seng,⁸⁶ Kong Yu Siong, Henry Ong Kee Chuan, John Lee Nyuk Syn, Ee Ghim Yam, Law Heng Choon, Fan Kuan Ling, Chin Poh Luke, Lo Foot Kee, Song Thian Cheok,⁸⁷ Ong Kee Hui (王祺輝),⁸⁸ Tan Tak Seng, Song Thian Ho, Goh Hong Kee, Stephen Yong Kuet Tze (杨国斯),⁸⁹ Shii Dai Seng, Francis Tan Eng Chong, Yeo Cheng Hoe, Chan Siaw Hee (田绍熙)⁹⁰ dan Sim Joo Sek.⁹¹ Keputusan pilihanraya menunjukkan KMC didominasi oleh orang Cina. Kaum Dayak dan India tidak diwakili oleh seorang ahli pun dalam KMC. Ini telah menimbulkan keimbangan di kalangan kaum Bumiputera Sarawak sebagaimana yang telah diulaskan oleh *Utusan Sarawak* bertarikh 7 Oktober 1956:

Although those elected to the Municipal Council will not adopt racial considerations in its policies, there is fear prevailing among the Malays that discrimination cannot be avoided representatives sit

in the council.⁹²

William Tan telah dipilih sebagai Pengurus pertama bagi KMC dengan Ong Kee Hui sebagai timbalannya.⁹³ Ini jelas menunjukkan pilihanraya KMC telah dimenangi oleh kebanyakan orang Cina di Sarawak dan membentuk majoriti ahli dalam KMC. Sebahagian daripada ahli majlis itu kemudian menjadi penggerak dalam penubuhan SUPP. Mereka itu termasuk Charles Linang,⁹⁴ Ong Kee Hui, Song Thian Cheok, Teo Kui Seng, Henry Ong Kee Chuan dan Chan Siaw Hee kemudian menjadi penggerak dalam penubuhan SUPP. Dalam pilihanraya itu lebih daripada 86% pengundi yang berdaftar keluar mengundi. Kejayaan pilihanraya KMC sebagai satu percubaan untuk memberi tanggungjawab yang lebih kepada penduduk tempatan telah diulas oleh *Sarawak By The Week* yang menyatakan:

The successful outcome of the first free elections lives up to confidence which was expressed by the Governor, Sir Anthony Abell, when last year he thought the time was mature for the people of Kuching to take over a greater share of civic responsibilities.⁹⁵

Pada tahun berikutnya, pilihanraya yang serupa juga diadakan di Sibu bagi SUDC iaitu pada 15 Disember 1957. Seramai 50 calon bersaing untuk 20 kerusi yang dipertandingkan.⁹⁶ Dalam pilihanraya itu Sibu dibahagikan kepada sembilan kawasan. Tujuh kawasan dimonopoli oleh orang Cina dan dua kawasan lagi dikuasai oleh kaum Bumiputera. Kawasan yang dimonopoli oleh orang Cina telah memilih wakil berbangsa Cina. Begitu juga dengan dua kawasan Melayu yang diwakili oleh ahli Melayu. Keputusan pilihanraya juga menunjukkan SUDC dimonopoli oleh orang

Cina, 16 daripada 20 ahli adalah terdiri daripada orang Cina. Mereka ialah Yew Kheng Sui, Pang Ming Seng, Law Hieng Ing, Tieu Sung Seng, Peter Jong Kuet Siong, Ngu Tieng Eng, Teng Kah Eng, Ting Chew Hin, Wong Ngi Chang, Chang Ta Kang, Kong Sung Seng, Ting Lik Hung, Chew Geok Lin, Lee Yu Yong, Kong Chung Siew dan Chieng Hie Kwong. Manakala ahli Melayu terdiri daripada Abang Haji Abdul Razak, Abang Kiprawi bin Datu Abang Yan, Ainnie bin Dhoby dan V.G. Bandong.⁹⁷ Ting Chew Huat telah dipilih sebagai Pengerusi SUDC (Rujuk Lampiran 20) yang mendapat sembilan undi dengan mengalahkan Kong Sung Seng (lapan undi) dan Peter Long Kuet Siong (empat undi). Manakala John Loo Liing Chong dipilih menjadi Naib Pengerusi SUDC.⁹⁸ Dalam pilihanraya ini lebih 85% daripada 3,202 pengundi yang berdaftar keluar mengundi.⁹⁹

Cadangan untuk mengadakan pilihanraya seperti di atas telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang Cina dan kaum lain seperti Melayu serta Dayak. Ini adalah kerana pilihanraya itu akan memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil masing-masing dalam kerajaan di samping memberi mereka peluang mengambil bahagian dalam politik tempatan. Ramai intelek Cina termasuklah mereka yang berpendidikan Cina dan Inggeris telah berebut-rebut untuk menjadi calon pilihanraya tersebut. Ini jelas menunjukkan orang Cina bukan sahaja menunjukkan minat terhadap politik tempatan malah mereka juga terlibat secara langsung dalam perkembangan politik Sarawak. Sejak itu orang Cina telah menjadi satu golongan yang penting dalam arena politik di Sarawak.

Pilihanraya umum yang pertama bagi seluruh negeri Sarawak akan diadakan

pada tahun 1959 secara tiga peringkat.¹⁰⁰ Pilihanraya ini akan dimulakan dengan Pilihanraya Majlis Daerah dan seterusnya Majlis Daerah akan mengadakan pemilihan wakil ke Majlis Penasihat Bahagian dan akhirnya ke Majlis Negri. Walaupun pada peringkat itu pilihanraya dipertandingkan secara bebas tanpa melibatkan persaingan parti-parti politik,¹⁰¹ apa yang penting ialah ia telah merintis jalan ke arah pembentukan parti-parti politik di Sarawak di samping menggiatkan kesedaran ke arah berkerajaan sendiri di kalangan penduduk Sarawak.

KE ARAH PEMBENTUKAN PARTI POLITIK SARAWAK PERTAMA

Berikut dengan pengumuman bahawa pilihanraya umum Sarawak akan diadakan pada tahun 1959, soal penubuhan parti politik telah menjadi isu hangat sejak awal tahun 1959. Perbincangan tentang penubuhan parti politik telah diperkatakan oleh semua pihak termasuk pemimpin kaum, penulis, pemimpin kesatuan sekerja, pegawai kerajaan dan orang ramai.

Dalam jangka masa ini beberapa pihak telah menyuarakan pandangan mereka bahawa penduduk Sarawak perlu bersatu dan menubuhkan parti politik bagi menghadapi pilihanraya umum yang akan diadakan, tetapi perkara yang lebih penting ialah persediaan untuk berkerajaan sendiri. Salah seorang daripada mereka ialah Safri Awang Zaidell¹⁰² yang menyeru agar cara bagi menyelesaikan masalah perkauman sebelum menuju ke arah berkerajaan sendiri adalah dengan duduk semeja dan berunding. Beliau juga mencadangkan agar Parti Rakyat ditubuhkan untuk menyatukan rakyat Sarawak yang berbilang kaum.¹⁰³

Terdapat pelbagai pendapat tentang penubuhan parti politik di Sarawak. Ada pihak yang menyokong penubuhan parti untuk perpaduan rakyat kerana ia adalah parti bagi semua kaum. Tidak kurang juga mahu parti itu lebih bercorak perkauman.

Menurut Abang Ikhwan Zaini:

It would be much better, for each community to form a National Unions, such as the Chinese, Malay, Dayak and Indian National Unions, and eventually merge to form an Alliance like that in Federation of Malaya.¹⁰⁴

Beberapa pemimpin pula merasa bahawa belum sampai masanya untuk menubuh parti kerana setengah-setengah kaum belum lagi memahami politik dengan agak mendalam. Oleh itu mereka akan ketinggalan dalam proses penubuhan parti politik. Salah seorang daripada mereka ialah Temenggung Jugah¹⁰⁵ yang melahirkan rasa bimbang tentang komunitinya akan ketinggalan dalam soal penubuhan parti. Dalam perkara ini beliau menyatakan perlu memajukan ekonomi dan pendidikan kawasan luar bandar. Masyarakat luar bandar akan menghadapi masalah memahami perkembangan politik akibat ketinggalan mereka dalam bidang ekonomi dan pendidikan.¹⁰⁶ Pengarah Montegrai (pemimpin Dayak) sepandapat dengan Temenggung Jugah iaitu pembangunan dari segi ekonomi dan pendidikan di kawasan luar bandar diperlukan sebelum penubuhan parti dapat dilakukan dengan menyeluruh.

Beliau menyatakan:

If our education and knowledge in general are still poor we cannot advocate the Party System in Sarawak.

... I feel Dayaks are not in a position to participate or associate themselves with any Political Party.¹⁰⁷

Begitu juga dengan Umpi Rantai,¹⁰⁸ tidak menafikan kebaikan sistem berparti kepada Sarawak di mana negeri ini akan disusun dan ditadbir oleh golongan berpelajaran yang berkemampuan. Namun demikian ini tidak memberi makna kepada masyarakat Iban. Masyarakat Iban belum lagi ada di kalangan mereka yang mempunyai pendidikan tinggi.¹⁰⁹ Ini bermakna mereka belum lagi mempunyai seorang pemimpin yang berkaliber untuk memperjuangkan kepentingan kaum Iban dalam politik Sarawak. Hermanus Assan bagi pihak penduduk di kawasan hulu berpendapat perlu ada kesedaran di kalangan penduduk di kawasan tersebut bagi memastikan pembangunan yang lebih rancak dapat dilakukan sebelum mereka dapat disatukan dalam satu parti politik yang sama.¹¹⁰ Manakala Dr. M. Sockalingam (bekas ahli tertinggi Kaunselor) pula ragu-ragu dengan penubuhan parti politik di Sarawak. Beliau menyatakan:

The formation of a political party in Sarawak is inevitable. But the question is are we ready to form it and do the people realise and understand the value of political parties.¹¹¹

Syor penubuhan parti politik di Sarawak juga ditegaskan oleh Gabenor Sarawak, Anthony Abell. Beliau berpendapat kerajaan berparti politik perlu ada dalam tahap pembangunan Sarawak pada masa itu tetapi penyatuan kaum mesti didahului.¹¹²

Dalam keadaan desakan politik dalaman dan luaran, akhirnya pada tahun 1959 golongan intelek Cina yang berpendidikan Cina dan Inggeris di Kuching bersama-sama dengan golongan peniaga, pemimpin masyarakat serta pemimpin kaum Bumiputera telah menuahkan parti politik yang pertama di Sarawak iaitu SUPP.¹¹³

Pembentukan SUPP adalah untuk mengisi kekosongan politik di Sarawak selaras dengan kesedaran politik yang telah ada di kalangan penduduk Sarawak. Dalam hal ini *The Borneo Bulletin* bertarikh 27 Jun 1959 mencatatkan:

The party had been formed because the time had come to take firm and positive action to provide an outlet for the aspirations of politically conscious people and to preserve the peace and harmony that existed among the different races in Sarawak.¹¹⁴

Dengan itu perkembangan politik di Sarawak telah memasuki satu era baru yang boleh dikatakan sebagai peringkat politik berparti. Namun demikian kemunculan parti-parti politik di Sarawak merupakan satu perkembangan yang agak lewat berbanding dengan perkembangan politik yang berlaku di Tanah Melayu.¹¹⁵ Dasar pemerintahan Brooke, kurangnya kesedaran berpolitik dan bilangan buta huruf yang ramai selalu dikaitkan dengan lembabnya perkembangan politik di Sarawak. Walau apapun yang diperkatakan tentang perkembangan politik Sarawak, parti-parti politik muncul pada lewat tahun 1950-an.

PENUBUHAN SUPP

Kemunculan SUPP adalah kesan langsung daripada pilihanraya pertama yang diadakan di Sarawak pada tahun 1956. Menurut Ong Kee Hui, pilihanraya KMC merupakan titik tolak yang mendorong pembentukan parti politik pertama di Sarawak.¹¹⁶ Ini tidaklah menghairankan kerana pada masa yang sama orang Cina di Sarawak sedang menghadapi masalah berpunca daripada dasar kerajaan dalam bidang

perniagaan dan pelajaran. Bagi pemimpin-pemimpin terkemuka Cina, keadaan seperti ini adalah satu peluang yang sesuai untuk mendapat sokongan khususnya daripada orang Cina yang tidak puas hati dengan dasar kerajaan itu.

Menurut Chan Siaw Hee, di samping faktor-faktor tersebut, kegiatan politik di Tanah Melayu dan Singapura turut mempengaruhi dan memberi semangat kepada pemimpin-pemimpin Cina untuk melibatkan diri dalam perkembangan politik di Sarawak.¹¹⁷ Di Tanah Melayu terdapat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organization/UMNO)¹¹⁸ dan di Singapura terdapat Parti Tindakan Rakyat (People's Action Party/PAP)¹¹⁹ yang memperjuangkan kepentingan negara masing-masing. Penubuhan Persatuan Cina Tanah Melayu (Malayan Chinese Association/MCA)¹²⁰ pada tahun 1948 juga telah memberi kesan tekanan ke atas pemimpin Cina di Sarawak termasuklah Ong Kee Hui dan Stephen Yong yang menjadi pemimpin SUPP kemudiannya. Faktor itulah yang telah memberi ilham kepada penduduk negeri Sarawak untuk menubuhkan sebuah parti politik bagi memperjuangkan hak mereka. Orang Cina percaya bahawa sebuah parti politik perlu ditubuhkan di Sarawak.

Walaupun pada mulanya pihak kerajaan menggalakkan penubuhan sebuah parti politik dipimpin oleh pemimpin-pemimpin seperti Ong Kee Hui, tetapi beberapa minggu sebelum SUPP didaftarkan, reaksi kerajaan adalah berbeza sekali. Mereka kurang yakin sama ada parti politik pada peringkat pembangunan Sarawak masa itu dapat menyatukan rakyat. Pihak kerajaan khuatir akan kecenderungan parti politik dikuasai oleh satu kaum atau kumpulan berkepentingan tertentu sahaja kerana ia akan

membawa kepada perpecahan kaum di Sarawak.¹²¹ Reaksi kerajaan ke atas cadangan pembentukan parti politik bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana pihak kerajaan sedar akan bahayanya kegiatan-kegiatan komunis di kalangan orang Cina. Sekiranya sebuah parti politik muncul, besar kemungkinan ia akan dijadikan landasan bagi menyebarkan pengaruh komunis di Sarawak. Ini terbukti melalui sebuah buku CCO yang dirampas bertajuk *On the Formation of an Open Political Party and the Struggle for Independence*. Buku yang disebarluaskan pada awal tahun 1959 itu jelas menyatakan bahawa parti politik merupakan satu cara yang berkesan untuk meneruskan perjuangan komunis.¹²²

Walaupun kurang mendapat galakan dan sambutan, akhirnya SUPP, pelopor parti politik di Sarawak telah didaftarkan secara rasmi pada 12 Jun 1959¹²³ sebagai sebuah pertubuhan politik bagi mengumpulkan penduduk Sarawak yang cenderung dalam politik. SUPP diketuai oleh Ong Kee Hui dengan tiga orang Timbalan Pengurus iaitu Jonathan Bangau anak Renang,¹²⁴ Francis Umpi Rantai dan Wan Abdul Rahman,¹²⁵ manakala Stephen Yong sebagai Setiausaha. Ahli-ahli Jawatankuasa lain termasuklah Wan Mohdzar bin Tuanku Mahmud dan Stanley Wong Cheng Ting¹²⁶ sebagai Timbalan Setiausaha; Charles Linang sebagai Bendahari serta Song Thian Cheok sebagai Timbalan Bendahari. Ahli Jawatankuasa Kecil yang lain iaitu Yeo Cheng Hoe,¹²⁷ Teo Kui Seng, William Hardin,¹²⁸ V.G. Bandong, Tieu Sung Seng,¹²⁹ Chan Siaw Hee, Ong Guan Cheng, Liaw Ee Lee,¹³⁰ Kho Choon Hui,¹³¹ Ngu Ngieng Hieng¹³² dan George Seah Kim Seng.¹³³ Walau bagaimanapun penubuhan SUPP telah menampakkan kerjasama di antara tiga kumpulan orang Cina

yang berlainan pendiriannya. Kumpulan pertama ialah elit tradisional Cina dan tauke seperti Ong Kee Hui, Song Thian Cheok dan Stanley Wong. Kumpulan kedua terdiri daripada golongan profesional yang menjadi pemimpin komuniti Cina kerana tahap pendidikannya seperti Stephen Yong. Kumpulan ketiga pula terdiri daripada golongan kiri yang bersimpati dengan pihak komunis seperti Tan Hsiao Tong,¹³⁴ Kho Choon Hui dan Weng Ming Chyuan.¹³⁵ Sebagai jawapan kepada kekhawatiran pihak kerajaan bahawa parti politik akan membawa kepada perpecahan sekiranya berasaskan kepada kaum atau kepentingan-kepentingan tertentu, SUPP menekankan kesetiaan dan perpaduan semua kaum di Sarawak, di samping mendakwa partinya “tidak bersifat perkauman, dengan menekankan kesetiaan kepada Sarawak dan keharmonian semua bangsa”. SUPP menyedari bahawa untuk membentuk satu bangsa atau mencapai taraf berkerajaan sendiri bagi Sarawak, semua kaum harus bekerjasama. Stephen Yong juga menyatakan tujuan SUPP ialah menyatukan semua orang yang menganggap Sarawak sebagai tanahair dan tempat tumpuan kesetiaannya.¹³⁶ Timbalan Pengerusi SUPP, Jonathan Bangau anak Renang juga menegaskan kepada sidang akhbar bahawa:

The Sarawak United People's Party will work for the harmony and unity of the various races in Sarawak, and for the prosperity of the country.¹³⁷

Selain itu SUPP cuba memandu penduduk Sarawak ke arah berkerajaan sendiri dan kemerdekaan.¹³⁸ Setiausaha Umumnya, Stephen Yong pernah menyatakan:

We are sure that the British Government will grant us self-government and finally independence if we show ourselves

responsible and capable of administering our own country
Granting self-government and independence has been the declared
policy of the British Government.¹³⁹

Penubuhan SUPP dibenarkan oleh Gabenor Sarawak sebagai sebuah parti berbilang kaum.¹⁴⁰ Tetapi parti ini telah dimonopoli oleh orang Cina. Pada tahun 1962, keahliannya mencapai 41,836 orang di mana 23,929 adalah orang Cina, 12,339 orang Iban, 2,480 orang Dayak Darat serta 3,088 orang Melayu, Kayan, Melanau dan lain-lain.¹⁴¹ Keahlian SUPP pada Januari 1963 ialah 54% orang Cina, 32% orang Iban, 7.5% orang Melayu dan 6.5% orang Bidayuh. Ini kerana walaupun SUPP dikatakan sebuah parti berbilang kaum tetapi pada asasnya SUPP adalah dipimpin oleh orang Cina yang berpendidikan. Oleh itu sifat kecinaan adalah lebih dominan. Majoriti ahli jawatankuasa kerja pusatnya dimonopoli oleh orang Cina dan hanya enam orang sahaja adalah Bumiputera (tiga Iban, dua Melayu dan seorang Bidayuh).¹⁴² Penguasaan ahli berketurunan Cina dalam pentadbiran pusat SUPP dan sebahagian besar anggota parti adalah orang Cina, menimbulkan rasa bimbang di kalangan kaum lain tentang kemungkinan orang Cina akan menguasai SUPP pada suatu masa nanti. Perkembangan ini membawa kepada penarikan diri ahli-ahli bukan Cina dari SUPP apabila parti politik lain muncul sebagai pilihan dalam kegiatan politik berparti di Sarawak.

Kaum Bumiputera yang berasa bimbang terhadap penguasaan SUPP di bawah pimpinan orang Cina dan masa depan kaum mereka di Sarawak telah menyuarakan perasaan ini dalam satu surat ugutan kepada Stephen Yong Kuet Tze. Antara isi

kandungan surat ugutan itu berbunyi “[i]f your Sarawak People Party is registered we shall form a native revolutionary party to finish all of you.”¹⁴³ Dengan itu kaum Bumiputera telah mencari jalan untuk menubuhkan parti mereka sendiri. Poster-poster anti-Cina yang ditulis dengan dakwat merah mengutuk keputusan membentuk parti politik pertama telah dijumpai di bandar Kuching pada pertengahan bulan Jun 1959. Contoh perkataan-perkataan yang digunakan dalam poster-poster tersebut ialah “First of all the Chinese should think of themselves as Sarawakian before they involve themselves in politics here”; “No politics here for the Chinese here until they cut their tie with China”; “SUPP will bring chaos to Sarawak”; “The Bumiputera do not trust SUPP”; “The Natives have no faith in the People’s Party” dan “The People’s Party will find not support from the Natives”.¹⁴⁴

Sebagai parti politik yang pertama di Sarawak, SUPP telah mengumumkan manifestonya mengandungi empat perkara utama yang membayangkan tujuan dan maksud parti itu kepada orang ramai pada 21 Jun 1959. Empat perkara utama tersebut adalah seperti berikut:

1. To seek political advancement of the people of Sarawak by constitutional means with the eventual aim of securing independence
2. To secure and maintain the establishment of a Government based on Parliamentary Democracy.
3. To promote and ensure the economic and cultural advancement of all races and particularly to improve the economics condition of all workers and those who are economically backward.
4. To maintain the racial harmony and unity of all races and to inspire the people with a spirit of self-reliance and endeavour.¹⁴⁵

Ini menunjukkan bahawa mereka telah sedar tentang perlunya ada sebuah pertubuhan

yang mewakili semua penduduk Sarawak untuk berhubung dengan pihak kerajaan. Dengan cara ini mereka akan memperolehi kemajuan yang lebih pesat, kepentingan kaum tidak terjejas dan akan sentiasa dipelihara. Setiausaha SUPP, Stephen Yong pernah menjelaskan objektif penubuhan partinya seperti berikut:

The SUPP believes in the fair and proper representation of all sections of the people in the political field. It is a slander on SUPP to say that it attempts to have the Council Negri under the whelming control of only one particular racial group and such statement can only be thought up by people with a warp mind.¹⁴⁶

Daripada matlamat penubuhan SUPP tidak terdapat sebarang bukti yang parti tersebut berasaskan perkauman. Parti politik itu lebih cenderung untuk menyatukan seluruh penduduk Sarawak bagi mewujudkan suasana harmoni supaya dapat membentuk satu unit politik yang besar dan kukuh.

Dengan tujuan untuk memperluaskan pengaruhnya, SUPP telah menubuhkan cawangan dan ranting parti di seluruh Sarawak. Cawangan dan ranting ini berfungsi menyampaikan maklumat dan arahan dari ibu pejabat parti di Kuching dan mengambil ahli-ahli baru. Cawangan SUPP di kawasan Matang telah dibuka pada 23 Ogos 1959,¹⁴⁷ manakala cawangan di Miri dibuka pada bulan Mac 1961.¹⁴⁸ SUPP telah sampai ke kawasan pedalaman Sarawak di mana cawangan Kanowit dibuka pada 9 April 1961. Cawangan Kapit dan Song dibuka pada 15 November 1960 dan 28 Mei 1961.¹⁴⁹ SUPP telah mendakwa mempunyai lebih daripada 45,000 ahli dalam 46 cawangan dan ranting di seluruh Sarawak sehingga tahun 1961.¹⁵⁰

Apabila berdepan dengan soal Malaysia, SUPP berpendapat Sarawak harus

diberi kemerdekaan sepenuh sebelum mempertimbangkan penyatuan dengan unit politik yang lain. Selepas Sarawak mencapai kemerdekaan melalui Malaysia hingga tahun 1970, SUPP masih menjadi pihak pembangkang. Pada tahun 1970, SUPP menyertai kerajaan dengan menjadi anggota Barisan Nasional (BN).¹⁵¹

Terdapat bukti yang menunjukkan unsur komunis cuba mempengaruhi SUPP. SUPP digambarkan sebagai "... hanya merupakan satu perantaraan bagi kelas berada untuk memainkan peranan sebagai perwira."¹⁵² Pengaruh komunis dalam parti juga dapat dilihat melalui enam orang yang telah ditangkap di Batu 17 Jalan Serian/Simanggang pada pagi 5 Januari 1963. Mereka dipercayai ahli CCO yang aktif dan penting serta pada masa yang sama juga adalah ahli SUPP.¹⁵³ Begitu juga dengan penangkapan 69 orang pemuda-pemudi Cina di kawasan sempadan Sarawak dengan Indonesia yang dipercayai cuba menyeberangi sempadan untuk mendapat latihan ketenteraan di Indonesia bagi melanjutkan kegiatan komunis di Sarawak. Di antara mereka yang ditangkap itu, lebih daripada 20 orang memiliki lencana SUPP.¹⁵⁴ Pada bulan September 1960, kerajaan Singapura tidak membenarkan dua ahli Eksekutif SUPP masuk ke Singapura kerana mereka dipercayai adalah ahli kanan CCO. Mereka itu ialah Weng Ming Chyuan dan Wong Ki Chok (Bang Kee Chong).¹⁵⁵

Pengaruh komunis dalam SUPP juga dapat dilihat melalui penangkapan empat ahli SUPP yang juga merupakan ahli CCO oleh kerajaan Sarawak di bawah Ordinan Sekatan Kediaman. Mereka ialah Tan Kheng Aik dan Lui How Ming, Editor akhbar; Teo Yung Kiaw dan Tin Man Wo (Chan Boon Ho) adalah pemimpin kesatuan

sekerja.¹⁵⁶ Begitu juga dengan perletakan jawatan beberapa ahli pengasas dan Timbalan Pengerusi SUPP, Banggau Anak Renang kerana beliau percaya bahawa partinya telah diresapi oleh unsur komunis.¹⁵⁷

Berdasarkan surat yang didapati oleh pihak kerajaan daripada Pertubuhan Sulit Komunis menunjukkan pihak komunis memang menyokong SUPP. Komunis ingin menggunakan sebagai landasan untuk mencapai cita-cita politik mereka di Sarawak. Dengan itu komunis dapat menyembunyikan perjuangan mereka yang sebenarnya daripada pengetahuan kerajaan. Ini dapat dilihat melalui antara isi kandungan surat tersebut yang berbunyi seperti berikut:

Kita sudah seharusnya menggunakan puak hartawan (di dalam Party Kesatuan Raayat Sarawak) untuk menipukan Kerajaan Sarawak supaya jangan mereka itu dengan mudahnya mengetahui muka parti kita yang sebenar-nya. Dengan berbuat begitu, kita akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memajukan usaha kita dengan cepat-nya.

Dalam keadaan yang ada sekarang, kita harus menyukongkan Party Kesatuan Raayat Sarawak, sekurang-kurangnya menunjukkan satu sikap menyukong. Tetapi janganlah hendak-nya kita memberi sokongan yang penoh kepada semua ranchangan yang disusunkan .¹⁵⁸

Daripada kenyataan di atas, boleh dikatakan pihak komunis menyokong SUPP dengan bertujuan dan bukan untuk memberi sokongan seratus peratus kepada SUPP sebagaimana dalam satu dokumennya yang berbunyi “Make use of it when it is useful and attack it when it becomes useless.”¹⁵⁹ Tujuan pihak komunis yang dimaksudkan itu ialah untuk mencetuskan kekacauan dalam suasana yang aman dan tenteram. Kemudian membentuk sebuah negara komunis yang berlandaskan fahaman Marx dan Lenin.¹⁶⁰ Untuk mencapai tujuan politik mereka itu, pihak komunis telah berpura-

pura menyokong SUPP.

Namun demikian Ong Kee Hui memberitahu pihak akhbar bahawa parti SUPP merupakan “anti-communist”.¹⁶¹ Dalam hal ini beliau memberi penjelasan bahawa SUPP bukan organisasi komunis dan tiada ruang yang disediakan untuk ahli-ahli CCO dalam SUPP. Lagipun pengasas parti tidak percaya kepada ideologi komunis dan tidak berminat dalam menubuhkan organisasi jenis itu di Sarawak.¹⁶² Beliau menyatakan:

We are a legitimate political party and we have no place for people who choose to conduct activities outside the law. If the Party has any evidence of any member involved in such activities it would have no hesitation in taking firm and proper action.¹⁶³

Seterusnya beliau mengkritik bahawa masyarakat sama rata yang didukung oleh pihak komunis tidak mungkin tercapai. Dalam perkara ini Ong Kee Hui membuat perbandingan dengan menyatakan ukuran jari tangan manusia dari pangkal ke hujung pun tidak sama panjang, apalagi untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sama rata.¹⁶⁴ Untuk menambahkan keyakinan terhadap pendirian partinya, Ong Kee Hui juga menyatakan:

We do not think it will work. It is based on wrong thinking. We believe in freedom for the people of Sarawak and we believe in a government composed of people chosen by the people to govern so long as the people wish them to govern.¹⁶⁵

Melihat kepada perkembangan di atas, pihak kerajaan menyokong penubuhan parti-parti politik kaum lain di Sarawak untuk memecahkan monopoli SUPP dalam

arena politik. Di antaranya orang Melayu menubuhkan Parti Negara Sarawak (PANAS) dan Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA); kaum Dayak pula menubuhkan Sarawak National Party (SNAP) dan Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA). Dengan itu bolehlah dikatakan penubuhan SUPP menjadi ilham kepada kaum Melayu dan Dayak untuk menubuhkan parti politik bagi memelihara kepentingan kaum masing-masing. Boleh dikatakan juga penubuhan SUPP membawa politik berparti Sarawak ke satu peringkat yang baru iaitu penubuhan parti-parti perkauman. Perubahan politik itu telah membawa satu corak baru kepada arena politik di Sarawak. Dengan itu perkembangan politik di Sarawak telah memasuki satu peringkat yang lebih matang bermula dengan kemunculan SUPP yang dikuasai oleh orang Cina. Tanpa kehadiran dan penglibatan aktif orang Cina dalam politik Sarawak, keadaan politik berparti yang lahir pada masa itu tidak akan menjadi kenyataan.

PANAS yang ditubuhkan pada bulan April 1960, iaitu sepuluh bulan selepas penubuhan SUPP adalah merupakan reaksi terhadap penubuhan SUPP. Dasar parti ini ialah untuk menyatukan semua kaum dalam Sarawak tanpa membezakan keturunan, warna kulit, agama dan kekayaan bagi mencapai perpaduan.¹⁶⁶ Tetapi PANAS lebih condong kepada memperjuangkan kepentingan kaum Melayu meskipun ia menerima keahlian daripada pelbagai kaum. PANAS dipimpin oleh seorang pemimpin Melayu, Datu Bandar Abang Haji Mustapha yang menyokong penyerahan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946.

Kemunculan SNAP membuktikan bahawa SUPP dan PANAS bukanlah

merupakan satu alternatif yang sesuai bagi memelihara kepentingan kaum Iban di Sarawak. SNAP didaftarkan dengan rasminya pada 10 April 1961 dengan Stephen Kalong Ningkan sebagai Presidennya.¹⁶⁷ Untuk menarik sokongan, keanggotaan SNAP juga terbuka kepada semua kaum walaupun pada dasarnya ia merupakan satu alternatif bagi mewakili kepentingan kaum Iban.¹⁶⁸

BARJASA ditubuhkan pada 4 Disember 1961 dan merupakan parti politik yang keempat di Sarawak.¹⁶⁹ Ia merupakan parti pertama yang memasukkan tujuan anti-komunis dalam manifestonya.¹⁷⁰ Penubuhan BARJASA bererti wujudnya alternatif di kalangan kaum Melayu dalam PANAS. Ia ditubuhkan akibat ketidakpuasan hati kaum Melayu dan Melanau Islam terhadap PANAS. BARJASA dipimpin oleh Dato Tuanku Haji Bujang bin Tuanku Othman¹⁷¹ yang kemudian menjadi Gabenor kedua Sarawak selepas pembentukan Malaysia. BARJASA membenarkan beberapa orang Cina menyertainya tetapi mereka tidak pernah berada dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi polisi BARJASA. Ia bercantum dengan PANAS dalam tahun 1967 untuk membentuk Parti Bumiputera.¹⁷²

Sebuah parti Dayak, PESAKA telah didaftarkan pada Ogos 1962 dengan Temenggung Jugah sebagai Presiden.¹⁷³ PESAKA dibentuk untuk memperjuangkan kepentingan kaum Dayak di Sarawak, khasnya Bahagian Ketiga, memandangkan kaum-kaum lain telah diwakili oleh parti masing-masing. Lagipun SNAP tidak dapat menarik sokongan kaum Iban Bahagian Ketiga kerana perbezaan dari segi mazhab agama Kristian dengan Bahagian Kedua. Mazhab Anglican disebarluaskan di kalangan orang Iban Bahagian Kedua bertentangan dengan ajaran Katolik dan Methodist di

Bahagian Ketiga,¹⁷⁴ PESAKA telah bercantum dengan Parti Bumiputera pada bulan Mei 1973 untuk membentuk Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Penubuhan parti-parti ini menampakkan tiada satu parti yang dapat menyatukan penduduk Sarawak. Mereka masing-masing ingin mengetuai kaum mereka sendiri. Dalam soal itu usaha kerajaan British dalam melatih dan memandu penduduk ke arah mencapai kemerdekaan serta kerajaan sendiri merupakan faktor penting tertubuhnya parti-parti ini. Kemunculan SUPP dalam arena politik berparti memperlihatkan tindakbalas demi tindakbalas daripada kaum lain yang juga ingin menyertai politik melalui parti politik masing-masing. Dari segi keanggotaan parti pula, pada peringkat awal pembentukan parti politik di Sarawak menunjukkan keanggotaan yang berbilang kaum, tetapi sifat itu tidak kekal lama kerana pada suatu tahap tertentu, parti-parti tersebut telah didominasi oleh sesuatu kaum sahaja. Ini kerana Sarawak terbentuk daripada masyarakat berbilang kaum dan jurang perbezaan kaum yang mewujudkan suasana politik yang sebegini rupa.

Keterbukaan orang Cina dalam SUPP kepada pengaruh komunis merupakan salah satu faktor yang mempergiatkan usaha Sarawak ke arah berkerajaan sendiri oleh pihak British. Ini ditambahkan lagi dengan tekanan dunia untuk menamatkan kolonialisme British di tanah jajahan dan keinginan SUPP untuk mendominasikan arena politik Sarawak. Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa orang Cina memainkan peranan dalam usaha Sarawak ke arah berkerajaan sendiri.

BAHASA PENGANTAR DI SEKOLAH MENENGAH

Tidak terdapat satu dasar tertentu dalam pendidikan yang wujud di Sarawak pada zaman pemerintahan Brooke ataupun kerajaan British. Ini menyebabkan anak-anak bangsa dipisahkan mengikut kaum dan bahasa pengantar masing-masing. Kerajaan British hanya mula memberi perhatian dalam soal pendidikan setelah didapati bahaya pengaruh komunis dalam sekolah, khasnya sekolah Cina. Akibatnya akta bantuan diperkenalkan supaya kerajaan dapat mengawal sekolah-sekolah tersebut. Dalam usaha mengembangkan sistem pendidikan menengah, kerajaan mula sedar bahawa satu sistem pendidikan kebangsaan dengan satu bahasa pengantar adalah perlu sebagai langkah awal menyediakan penduduk Sarawak ke arah berkerajaan sendiri kerana corak pendidikan tersebut akan melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu.

Cadangan kerajaan Sarawak untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di semua sekolah menengah dapat dilihat melalui Kertas Putih (*Sessional Paper No. 2*) yang diterbitkan pada bulan Jun 1960.¹⁷⁵ Kertas Putih ini dikeluarkan mengikut syor-syor yang terkandung dalam Laporan McLellan.¹⁷⁶ Melaluinya dapat memperlihatkan niat kerajaan untuk memperkenalkan satu sistem pendidikan kebangsaan di sekolah-sekolah menengah yang berbilang kaum di Sarawak. Semua sekolah dikehendaki menggunakan satu sukanan pelajaran dan bahasa pengantar yang sama. Cadangan tersebut telah diumumkan dalam mesyuarat belanjawan di Majlis Negri pada 6 Disember 1960.¹⁷⁷ Berikutannya semua sekolah menengah diarahkan oleh Jabatan Pelajaran supaya menyerahkan rancangan penukaran pada 15 April 1961

dan mereka telah dibekalkan dengan nota panduan.¹⁷⁸ Nota panduan itu terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi dua persoalan penting, iaitu bagaimana untuk memastikan pelanjutan perkhidmatan kakitangan sekolah menengah yang tidak tahu mengajar bahasa Inggeris dan bagaimana untuk memperolehi guru yang fasih dalam bahasa Inggeris. Manakala bahagian kedua pula ialah susunan rancangan untuk penukaran bahasa pengantar yang terbahagi kepada Sekolah Menengah Atas dan Sekolah Menengah Bawah.¹⁷⁹ Ia telah menimbulkan minat semua komuniti di Sarawak, kecuali orang Cina yang mendesak supaya mengekalkan bahasa Cina dalam sekolah-sekolah Cina.

SUPP, sebuah parti bersifat kiri yang didominasi oleh orang Cina telah mengutuk rancangan itu sebagai satu percubaan untuk mencipta “yes men”, iaitu mereka yang hanya mengikut arahan tanpa berusaha. Dalam mesyuarat SUPP pada awal tahun 1961 di Kuching, SUPP menuntut perkembangan sekolah perkauman. Mereka menuduh pendidikan Inggeris dipaksa wujud di Sarawak bagi menghalang keupayaan penduduk dalam menyelesaikan masalah-masalah sosial mereka sendiri dan akan menghancurkan perjuangan ke arah berkerajaan sendiri serta kemerdekaan Sarawak. Perkara ini dinyatakan oleh Weng Ming Chyuan, Pegawai Penerangan dan Pendidikan Pusat SUPP seperti berikut:

The proposed national education system is not only aimed at destroying the existing system of racial education and obstruct the development of racial culture, but it also attempts to create ‘Yes Men’.... The purpose of this system is to make the various races - Dayaks, Malays and Chinese - lose their ability to think for themselves about the social problems confronting them so that they would not be in a position to fight for self-government and independence.¹⁸⁰

Di samping itu SUPP juga telah mengeluarkan satu kenyataan berhubung dengan pendirian parti dalam soal penggunaan bahasa Inggeris di semua sekolah menengah di Sarawak. Kenyataan tersebut meminta supaya semua komuniti harus diberi kebebasan dalam memilih bahasa pengantar dalam pengajaran di sekolah. Parti SUPP telah menganjurkan seperti berikut:

in the present stage of development there should be a freedom of choice by parents of whatever language schools to which they may wish to send their children . . It wishes to put more stress on substance (that is, the contents of textbooks and syllabus) than one form, such as the language in which the children should be taught.¹⁸¹

Pengerusi SUPP cawangan Kuching, Song Thian Cheok juga menunjukkan tidak bersetuju terhadap cadangan kerajaan dengan menggunakan alasan mempertahankan kebebasan pilihan penduduk Sarawak. Beliau menyatakan:

We believe in the freedom of choice of education for children by parents of all races and in respecting the wishes of a community. We are not opposed to any community wanting to study English or any other language, but are opposed to any policy of Government which deprives a community the freedom of choice . . after achieving political independence a national system of education would be ultimately worked out. We do not subscribe to the idea that a national system of education must come before independence.¹⁸²

SUPP menyokong cadangan keseragaman sukanan pelajaran dan buku-buku teks di semua sekolah menengah akan memandu ke arah satu sistem pelajaran kebangsaan di Sarawak dan menghargai kepentingan bahasa Inggeris. Namun demikian SUPP tidak setuju bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah

Cina. Seterusnya SUPP mendakwa bahawa adalah satu tindakan yang tidak matang dan dengan perasaan dengki untuk menyatakan bahawa parti membuat pendirian yang sedemikian adalah cuba untuk membentuk koloni China di Sarawak atau sebagai menganjur pengasingan kaum.¹⁸³ Pendek kata, SUPP bersetuju dengan cadangan menerima satu sukatan pelajaran yang sama tetapi diberi pilihan dalam bahasa pengantar dan tidak memberi sebarang keputusan dalam soal bahasa kebangsaan sehingga Sarawak mencapai kemerdekaan.¹⁸⁴

Dalam pada itu langkah kerajaan untuk menyeragamkan kurikulum dan memansuhkan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di semua sekolah menengah kerajaan telah menjadi sasaran kritikan hebat pihak CCO. CCO mendakwa langkah tersebut sebagai satu usaha kerajaan hendak menghapuskan bahasa dan kebudayaan Cina. Oleh itu ia mesti ditentang. Sebaliknya mereka menuntut penggunaan bahasa Cina di sekolah-sekolah Cina.¹⁸⁵ Perkara ini berlaku demikian kerana kebanyakan ahli CCO adalah terdiri daripada mereka yang berpendidikan Cina. Selain itu langkah kerajaan tersebut akan menjadi penghalang dalam usaha mereka ke arah pembentukan negara komunis di Sarawak.

Artikel-artikel yang ditulis oleh penulis Cina, disiarkan dalam akhbar Cina juga menunjukkan pendirian mereka tidak setuju dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam sekolah menengah. Mereka mendakwa bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa untuk penjajahan dan bermakna perhambaan atau menjadi hamba kepada kerajaan.¹⁸⁶ Oleh itu polisi kerajaan bukanlah satu percubaan yang bijak, kerana ia akan menghalang Sarawak ke arah kemerdekaan atau membebaskan Sarawak

daripada belenggu penjajahan.

Sekolah Cina menentang dengan hebatnya penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan menjangka bahawa langkah itu dilaksanakan kerana kerajaan bertujuan untuk menghancurkan budaya Cina.¹⁸⁷ Walau bagaimanapun sekolah Cina mengakui kepentingan bahasa Inggeris dan mereka akan berusaha mengajarnya sebagai bahasa kedua.¹⁸⁸

Lembaga Pengurusan Sekolah-Sekolah Cina Kuching yang dipengerusikan oleh Stephen Yong dengan tegasnya menolak cadangan kerajaan itu. Mereka menuntut supaya bahasa Inggeris dijadikan bahasa kedua di sekolah menengah dan bukan bahasa utama.¹⁸⁹ Lembaga tersebut telah menghantar satu memorandum kepada Pengarah Pelajaran Sarawak. Dalam memorandum itu, amaran telah diberi bahawa sebarang tindakan untuk menyekat perkembangan semulajadi mana-mana budaya termasuk budaya Cina akan ditentang. Memorandum itu juga menegaskan, walaupun mengakui kepentingan bahasa Inggeris tetapi Lembaga tidak setuju dengan cadangan bahasa Inggeris dijadikan satu-satunya bahasa pengantar di semua sekolah menengah. Seterusnya memorandum tersebut menyatakan Lembaga tidak bertujuan mengagungkan kebudayaan Cina supaya mengatasi kebudayaan lain dalam konteks mempertahankan bahasa Cina di sekolah-sekolah Cina.¹⁹⁰ Di antara lain memorandum itu mencatatkan:

Education is closely bound up with culture. It is not the boards' wish that Chinese culture should lord it over that of other races in Sarawak - we would rather work for the creation of a Sarawak culture by the blending of all the existing cultures in the territory.¹⁹¹

Lembaga itu juga berpendapat bahawa penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah Cina akan merendahkan taraf pencapaian pelajar kerana mereka tidak mampu untuk mengikuti pelajaran. Lembaga itu tidak akan membantah sekiranya polisi baru itu dilaksanakan hanya di sekolah-sekolah kerajaan, kerana kerajaan telah memberi penegasan kukuh bahawa walaupun Lembaga-Lembaga Pengurusan Sekolah menerima akta bantuan kerajaan, mereka tidak diwajibkan menerima sebarang perubahan dalam sistem pelajaran.¹⁹² Ini kerana bantuan kewangan kerajaan tersebut adalah untuk menjamin layanan dan keselamatan yang lebih baik kepada guru-guru.

Chan Siaw Hee juga tidak puas hati kerana Jabatan Pelajaran tidak menepati janjinya mengekalkan sistem pendidikan Cina. Nampaknya beliau telah kehilangan kepercayaan terhadap pihak kerajaan dengan menyatakan:

If the Chinese schools were using English as a medium of instruction, what sort of schools would they become? And if the Middle schools were converted into English, could it be guaranteed that the Chinese primary schools, would not be converted too?¹⁹³

Beliau menyalahkan pemerintahan penjajah yang melahirkan kecurigaan kaum dan tiada kaitan dengan sistem pelajaran.¹⁹⁴ Seterusnya beliau menegaskan bahawa Pengarah Pelajaran mempunyai idea yang salah terhadap sekolah Cina dengan mendakwa sekolah Cina hanya mengikut garis perkauman. Beliau menjelaskan bahawa sekolah Cina telah memperuntukkan lebih daripada satu pertiga masanya untuk mempelajari bahasa Inggeris.¹⁹⁵

Sementara itu Chang Chieng Wong menyatakan pelajar-pelajar di sekolah Cina harus mewarisi kebudayaan Cina supaya dapat memperkayakan kebudayaan Sarawak. Selain itu Ho Ho Hing, Lam Teng Kui, Wong Kee Wong dan Song Jong Teng dari Lembaga Pengurusan Sekolah-Sekolah Cina Kuching juga menentang cadangan penukaran bahasa pengantar di sekolah menengah Cina.¹⁹⁶

Malahan dalam mesyuarat bulanan Lembaga itu pada 9 April 1961 telah meluluskan bahawa kurikulum bagi Sekolah Menengah Rendah harus dikekalkan; bersetuju meningkatkan taraf bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Atas tetapi masa yang diperuntukkan untuk belajar bahasa Inggeris tidak harus melebihi masa yang ditumpukan bagi belajar bahasa ibunda. Sekiranya keadaan terdesak, Lembaga bersedia mengendalikan kelas bahasa Inggeris untuk menyerap pelajar-pelajar daripada kaum lain.¹⁹⁷ Ini menunjukkan sekolah Cina cuba bertolak ansur dengan pihak kerajaan dalam hal tersebut.

Pendek kata, Lembaga Pengurusan Sekolah Cina di Kuching dengan tegasnya menentang penukaran bahasa pengantar kepada bahasa Inggeris di sekolah menengah Cina di Sarawak. Berikutnya persidangan wakil-wakil dari Lembaga-Lembaga Pengurusan Sekolah Cina di Bahagian Pertama telah diadakan di bawah Pengurusinya, Stephen Yong. Mesyuarat ini dihadiri oleh 140 wakil dari lebih 70 Lembaga Pengurusan Sekolah di Bahagian Pertama.¹⁹⁸ Dalam mesyuarat tersebut mereka meminta kerajaan mengekalkan bahasa ibunda di sekolah menengah. Mereka juga percaya kerajaan cuba menafikan kedudukan bahasa Cina dan orang Cina di Sarawak.

Menurut Stephen Yong, cadangan bagi menukarkan bahasa pengantar daripada bahasa Cina ke bahasa Inggeris di sekolah menengah Cina adalah tidak dapat diterima. Bong Ho Ching bercakap bagi pihak sepuluh buah sekolah di kawasan Batu Kawa mengutuk tindakan penghapusan pendidikan perkauman oleh kerajaan adalah untuk mengekalkan sistem pendidikan kolonial supaya dapat melanjutkan pemerintahan penjajahan di negeri ini.¹⁹⁹

Sementara itu mesyuarat wakil-wakil Lembaga Pengurusan Sekolah Cina dan pelbagai komuniti serta badan di kawasan Kanowit juga dianjurkan oleh Persatuan Kwang Tung pada 20 Mac 1961. Mesyuarat ini diketuai oleh Tan Chen Swee.²⁰⁰ Mesyuarat ini meminta kerajaan memberi jaminan dan kebebasan dalam perkembangan pendidikan perkauman. Mereka mencadangkan bahasa pengantar daripada tiga kaum utama, iaitu Dayak, Melayu dan Cina.²⁰¹

Perjumpaan juga diadakan di antara wakil-wakil Lembaga Sekolah Bahagian Keempat dan persatuan-persatuan di Dewan Perniagaan Cina Miri pada awal Mei 1961. Perjumpaan ini dihadiri oleh 40 wakil dari 26 Lembaga Sekolah dan persatuan di Bahagian Keempat yang dipengerusikan oleh Bong Chin Miew. Sejumlah sembilan resolusi telah diluluskan. Mereka yang hadir menyatakan dengan tegas menentang cadangan penukaran bahasa pengantar dari bahasa Cina ke bahasa Inggeris di sekolah menengah Cina. Mereka juga mengutuk cadangan kerajaan itu sebagai muslihat untuk menentang pendidikan perkauman. Menurut Bong Chin Miew, cadangan kerajaan itu bertujuan untuk menghancurkan budaya Cina. Wakil Dewan Perniagaan Cina Miri, Tang Hiong Seng pula menyatakan:

We oppose the change of medium of instruction in Middle Schools, but the change could be effected in Senior Middle Schools. We Chinese are willing to assist in setting up English schools if asked, but there is no necessity of conversion.²⁰²

Sementara itu Lee Tze Khiam dari Persatuan Hakka Miri menegaskan bahawa persatuannya menentang perubahan dalam bahasa pengantar di sekolah menengah Cina. Baginya bahasa Cina adalah satu keperluan dalam kehidupan orang Cina. Beliau mengumpamakan bahasa Cina sebagai nasi dan bahasa lain sebagai sayur-sayuran dengan menyatakan “we can’t live without rice but we can live without vegetables.”²⁰³

Tentangan terhadap penggunaan bahasa Inggeris di sekolah menengah Cina juga dapat dilihat melalui kekacauan yang ditimbulkan oleh sekumpulan kecil pelajar-pelajar Sekolah Menengah Methodist Sibu. Terdapat pihak yang menyatakan semua Kelas Menengah Tiga yang terlibat tetapi setelah disiasat oleh Pengetuanya, R.V. Wiltshire, didapati bahawa 28 daripada 81 pelajar yang menentang perubahan itu. Di antara empat pelajar utama yang terlibat dalam kes itu telah dibuang sekolah. Mereka ialah Kong Hoi Chieng (17 tahun), Wong Siew Chuang (16 tahun), Hii Ing Lung (15 tahun) dan Siaw Kui Fong (17 tahun). Mereka menentang keputusan pihak berkuasa sekolah untuk mengubah bahasa pengantar dalam pengajaran beberapa subjek daripada bahasa Cina ke bahasa Inggeris.²⁰⁴ Penukaran bahasa pengantar itu akan dilakukan secara beransur-ansur selama tiga tahun. Dalam tahun pertama, pelajaran Matematik akan diajar dalam bahasa Inggeris. Dalam tahun kedua akan melibatkan pelajaran Sains. Manakala dalam tahun ketiga pula merangkumi

pelajaran Geografi dan Sejarah kecuali Sejarah China. Subjek lain dan kesusasteraan Cina akan dikenakan dalam bahasa Cina. Tujuan sebenarnya pihak berkuasa sekolah bertindak demikian ialah untuk mempertingkatkan taraf bahasa Inggeris di sekolah itu tetapi telah menimbulkan kesan yang sebaliknya. Ekoran daripada ponteng kelas, berkumpul menulis surat protes, enggan mematuhi arahan pihak sekolah supaya membawa surat untuk mendapat kerjasama daripada ibu bapa dalam soal tersebut dan perjumpaan haram yang diadakan di kantin sekolah, Bahagian Pelajaran Cina terpaksa ditutup buat sementara. Pendaftaran semula pelajar-pelajar kemudian diadakan dengan jaminan daripada ibu bapa atau penjaga bahawa mereka akan berkelakuan baik.²⁰⁵

Gabenor Sarawak, Alexander Waddell mengutuk tindakan pelajar di Sekolah Menengah Methodist itu serta menyifatkan sebagai bertentangan dengan sifat dan budi sebenar orang Cina. Pihak kerajaan sedar bahawa selain Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura juga menghadapi masalah yang serupa dan mereka juga mengetahui sukar untuk menyakinkan sekolah-sekolah Cina bahawa bahasa Cina dan budaya Cina akan dipelihara.²⁰⁶ Polisi ini tidak menyeru sekolah Cina meninggalkan pembelajaran bahasa dan kesusasteraan Cina tetapi bertujuan supaya sekolah Cina dapat diterima oleh kaum lain. Di samping itu dasar ini juga tidak bertujuan membuka sekolah Cina sehingga ia dibanjiri oleh orang Melayu dan Dayak. Polisi kerajaan itu adalah bertujuan mengelakkan sekolah-sekolah Cina daripada dieksplorasikan oleh pihak komunis.²⁰⁷

Berikut dengan penentangan yang luas daripada Lembaga Sekolah Cina,

Gabenor Sarawak menyeru semua Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Cina bekerjasama dalam menjayakan polisi kerajaan itu. Di antara lain beliau menyatakan:

Managements of secondary schools must be aware of their serious responsibility in the decisions they are now asked to make. They must now consider or re-consider their decisions with a view to helping the Government in the task of creating a sense of unity and brotherhood among the peoples of Sarawak.²⁰⁸

Beliau juga percaya bahawa masa depan Sarawak dan kaumnya bergantung kepada pembukaan sekolah menengah kepada semua bangsa tanpa diskriminasi melalui satu bahasa pengantar dalam pengajaran. Dalam hal ini Gabenor Sarawak dengan yakin menyatakan:

I am confident that all those who truly believe in the inter-racial future of Sarawak, the only possible future, will support this gradual integration in a common medium which has long been a feature of many schools in this country where, so far from destroying culture, it has been added to the common heritage.²⁰⁹

Setiausaha bagi Kerajaan Tempatan, G.A.T. Shaw juga menyeru Lembaga-Lembaga Sekolah Cina mempertimbangkan cadangan kerajaan berkenaan penukaran bahasa pengantar. Beliau turut meminta Lembaga-Lembaga sekolah yang telah menolak cadangan itu mempertimbangkan semula keputusan mereka.²¹⁰ Di samping itu beliau juga memberi penjelasan terhadap tujuan sebenar pihak kerajaan dalam penukaran bahasa pengantar sekolah menengah di Sarawak. Dalam hal itu beliau menyatakan:

... Chinese middle schools were not being called upon to abandon the study of Chinese language and literature. Government's proposals are not an attack on Chinese cultural studies.

... the Chinese in Sarawak, together with other peoples, are being called upon to use as a medium of instruction in secondary schools a

language which will make these schools acceptable to pupils and people of all races and so to enable pupils of other races to attend the middle schools

Finally, in the Government's view, the majority of the people in Sarawak are becoming increasingly aware of the dangers of an educational system which separates secondary pupils by race . . .²¹¹

Dalam pada itu terdapat cadangan untuk membuat rayuan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu supaya menyokong penerusan pendidikan berbentuk perkauman di Sarawak. Tetapi menurut Gabenor Sarawak, usaha tersebut adalah sia-sia sahaja kerana tidak akan mendapat sokongan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu dalam pertikaian itu. Ini kerana menurut Piagam Bangsa-bangsa Bersatu:

The principle of non-discrimination is an essential part of education and every effort should be made to develop a common education system open without distinction to children of all races.²¹²

Walau bagaimanapun terdapat juga pihak yang menyokong cadangan kerajaan itu termasuklah sebilangan kecil orang Cina. Majlis Penasihat Bahagian Kedua telah berjumpa di Simanggang mengundi bahawa bahasa pengantar dalam pengajaran di semua sekolah menengah haruslah bahasa Inggeris. Persetujuan itu telah diluluskan melalui 13 undi menyokong dan lima undi menentang. Begitu juga dengan Majlis Penasihat Bahagian Pertama meluluskan satu resolusi menyokong penuh cadangan kerajaan dengan 13 undi menyokong dan lima undi menentang pada bulan Ogos 1961. Mereka yang menentang termasuklah Stephen Yong, Chan Siaw Hee, Song Thian Cheok, Ho Tse Chin dan Yeo Cheng Hoe. Majlis Penasihat Bahagian Ketiga turut meluluskan satu resolusi menyokong cadangan kerajaan dengan syarat kerajaan

menyediakan ruang yang cukup dalam kurikulum bagi mengajar bahasa dan budaya Cina.²¹³ Perkara ini dilaporkan oleh *The Sarawak Tribune* pada 22 Mac 1961 seperti berikut:

That this Council [Divisional Advisory Council] supports the proposals of the Government with regard to the introduction of English as the medium of teaching in secondary schools provided adequate scope is given in the curriculum for the study of Chinese cultural subjects.²¹⁴

Sebuah akhbar Cina di Kuching, *The Sarawak Vanguard* (前锋日报) mempunyai pandangan yang bertentangan sekali dengan orang Cina di Sarawak dalam soal bahasa pengantar di sekolah menengah. Akhbar ini menganjur penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah di Sarawak. Di antara lain pandangan tersebut dipaparkan dalam *North Borneo News and Sabah Times* pada 24 Februari 1961 seperti berikut:

We, Chinese, wish to know clearly whether the new education policy of our country on the change of school system in Chinese schools is good or bad. There are many Chinese who have sent their children to English schools for complete English education. Their number is not a small one as 8 or 9 out of 10 students in most English schools are Chinese. Therefore there is no problem in using English as medium of instruction.²¹⁵

Begitu juga Mak Yau Lim, ahli Majlis Daerah Lawas, Bahagian Kelima, juga menunjukkan sokongan terhadap cadangan kerajaan menukar bahasa Cina kepada bahasa Inggeris di sekolah menengah Cina. Beliau berpendapat bahawa orang Cina di negeri ini harus membuka pintu sekolah mereka supaya kanak-kanak daripada bangsa lain boleh hidup bersama-sama dan akan lebih memahami antara satu sama

lain.²¹⁶ Manakala Tan Chong Mei dari Majlis Daerah Batang Lumar, Bahagian Kedua pula menyatakan yang penting ialah tidak ada paksaan dalam perkara tersebut dan pendidikan harus berkembang secara semulajadi dalam lingkungan rangka kebangsaan. Dalam hal ini Tan Chong Mei menyatakan seperti berikut:

... I think whilst asking the Chinese Board of Management to give the Government proposal further consideration, the Government ought to re-examine its proposal in the light of so much criticism and counter proposals which have been raised recently.²¹⁷

Dua pemimpin kaum Iban di Bahagian Ketiga bersetuju bahawa rancangan kerajaan untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sekolah menengah harus dilaksanakan. Temenggung Jugah menyatakan:

I support the Government's policy and I am all for the proposal made by the Education Department. . . . If we wish to unite all races in Sarawak, the English medium should be accepted and this system proposed by the Government must be implemented.²¹⁸

Beliau seterusnya menyatakan:

. . . That is the place for the integration of children, the training ground for a harmonious life for Sarawak. . . . If anybody advocates a splitting system or separatism, it is paving the way for future quarrels in the land. It is scheming for future trouble and disintegration. Loyalty to Sarawak is therefore only lip service, and in the heart of hearts it is not there. There must be unity among all races in Sarawak - then there will be equality.²¹⁹

Seorang lagi pemimpin Iban, Pengarah Montegrai juga menyokong pendapat Temenggung Jugah. Beliau berpendapat bahawa kanak-kanak harus diajar bahasa ibunda dan budaya kaumnya di sekolah rendah, tetapi di sekolah menengah, bahasa

Inggeris harus digunakan untuk kebaikan seluruh Sarawak. Beliau tidak setuju dengan pendapat bahawa bahasa Inggeris akan memusnahkan budaya tempatan. Sebaliknya beliau berpendapat polisi pendidikan yang bersifat perkauman hanya akan membawa kekacauan dan pertumpahan darah di Sarawak.²²⁰ Di samping itu Remiguis Durin dari Bau, Penghulu Umpau anak Empang dari Kanowit dan pemimpin Dayak lain turut memberi sokongan terhadap polisi kerajaan dalam soal penukaran bahasa pengantar di sekolah menengah di seluruh Sarawak.²²¹

Manakala pemimpin Melayu, Abang Haji Othman dan Abang Haji Mustapha sedar bahawa belum sampai masanya untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kerana akan mendatangkan hasil yang sebaliknya. Yang lebih penting ialah terus menyokong sistem pendidikan Inggeris untuk meredakan perasaan cinta yang melampau terhadap tanahair iaitu Negara China di kalangan orang Cina Sarawak.²²² Abang Haji Mustapha bercakap bagi pihak PANAS menyokong kuat cadangan kerajaan dalam memperkenalkan sistem pendidikan kebangsaan dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah. PANAS juga mengutuk unsur perkauman dan pengasingan di sekolah-sekolah sebagai menghalang percapaian perpaduan kebangsaan di Sarawak.²²³

Akhirnya sistem pendidikan menengah kebangsaan telah diluluskan dalam Majlis Negri yang diadakan pada bulan Ogos 1961 dan Kertas Putih (*Sessional Paper No. 1*) bagi 1961 telah diterbitkan.²²⁴ Untuk menekan sekolah Cina supaya sealiran dengan dasar pendidikan kebangsaan, beberapa peraturan ketat dikenakan ke atas sekolah ini. Antaranya meletakkan beberapa syarat ke atas sekolah Cina agar

menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (kecuali dalam pengajaran bahasa dan sastera Cina); mata pelajaran Sejarah dan Geografi China tidak seharusnya dipisahkan dari Sejarah dan Geografi China serta Asia; buku teks mestilah ditulis dalam bahasa Inggeris. Peraturan itu juga menetapkan semua pelajar harus mengambil peperiksaan Sarawak Junior dan Cambridge School Certificate serta semua sekolah mesti membuka pengambilan pelajar untuk semua bangsa.²²⁵ Dalam pada itu kerajaan Sarawak memaklumkan kepada sekolah-sekolah Cina bahawa geran akan diberi kepada sekolah Cina yang bersetuju menukarkan bahasa pengantar kepada bahasa Inggeris secara beransur-ansur. Berhadapan dengan kemungkinan kehilangan bantuan kewangan kerajaan bermula dari 1 April 1962, banyak sekolah bersetuju untuk menukarkan bahasa pengantar kepada bahasa Inggeris pada penghujung tahun 1961. Namun demikian sehingga bulan September 1963, terdapat 2,513 pelajar di sembilan buah sekolah menengah Cina tanpa bantuan kerajaan dan 3,008 pelajar di sembilan sekolah menengah bantuan kerajaan.²²⁶ Ini menunjukkan masih terdapat ramai orang Cina yang memilih sekolah aliran Cina. Boleh dikatakan tujuan kerajaan menukarkan bahasa pengantar kepada bahasa Inggeris di sekolah menengah Cina kurang berjaya. Malahan sekolah Cina yang setuju bekerjasama dengan kerajaan pun nampaknya kerana bimbang kehilangan bantuan kerajaan untuk meneruskan pengurusan sekolah itu. Sesungguhnya terdapat maksud politik dalam tindakan kerajaan tersebut di mana kerajaan memaksa mereka membuat keputusan sedangkan bantahan kuat adalah datang daripada mereka yang berkaitan.

Walau bagaimanapun keputusan kerajaan pada tahun 1961 untuk meneruskan

bantuan kerajaan hanya kepada sekolah yang menerima kurikulum sistem pendidikan kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar mempunyai tujuan politik dan pendidikan.²²⁷ Dari segi tujuan pendidikan, ia menyahut seruan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyediakan satu sistem pendidikan kebangsaan supaya semua kumpulan etnik mempunyai peluang yang sama. Ia dikatakan bersifat politik kerana cuba untuk menghalang pengaruh komunis dalam sistem pendidikan aliran Cina dengan melemahkan pengasingan bahasa dan budayanya dengan kaum lain.

Dari permulaan lagi pertikaian bahasa pengantar tersebut merupakan satu isu yang bersifat perasaan. Tidak terdapat percubaan sekolah Cina untuk memahami polisi kerajaan dan menghargai kedudukan komuniti lain. Orang Cina harus sedar bahawa tidak mungkin dapat wujud dua sistem pelajaran yang berbeza iaitu satu untuk orang Cina dan satu lagi bagi siapa-siapa sahaja kerana perpaduan tidak dapat tercapai dengan sepenuhnya. Sekolah Cina menyediakan pendidikan Cina, pendidikan perkauman yang akan terus membentuk satu bahagian dalam komuniti Sarawak yang terpisah daripada yang lain termasuk juga dengan orang Cina yang menerima pendidikan Inggeris. Selain orang Cina, majoriti orang Sarawak berminat terhadap satu sistem pendidikan kebangsaan yang akan membuka jalan menuju ke arah pembentukan sebuah masyarakat berbilang kaum yang harmoni.

Sebenarnya penentangan orang Cina dalam isu bahasa itu juga bercampur aduk dengan perasaan tidak puas hati terhadap struktur ekonomi Sarawak. Kritikan ini dibuat melalui akhbar-akhbar Cina. Pokok perdebatan ekonomi adalah Sarawak berpotensi untuk dimajukan sebagai sebuah negeri kaya tetapi minat kuasa asing

dibenarkan untuk mengawal dan mengeksplorasi kekayaan sumber Sarawak. Sementara itu perindustrian tidak digalakkan dan hanya aktiviti penanaman sahaja berada dalam tangan orang Sarawak sendiri.²²⁸

Daripada perbincangan di atas jelas bahawa kebanyakan orang Cina yang menentang polisi pendidikan kebangsaan dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah adalah terdiri daripada mereka yang dipengaruhi oleh unsur kiri, pemimpin SUPP dan organisasi yang berkaitan dengan mereka. Ong Kee Hui dan Stephen Yong merupakan dua pemimpin yang menentang hebat cadangan kerajaan itu. Padahal Ong Kee Hui dan anak-anaknya berpendidikan Inggeris. Begitu juga Stephen Yong, menghantar anak-anaknya belajar di United Kingdom. Oleh itu boleh dikatakan mereka sebenarnya menerima pendidikan Inggeris tetapi menentang cadangan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah Cina kerana dipengaruhi oleh golongan subversif.

Melalui penglibatan orang Cina dalam perkembangan yang berlaku di sepanjang tahun 1950-1960 jelas memperlihatkan telah muncul kesedaran politik di kalangan orang Cina. Orang Cina sedar bahawa mereka tidak boleh mendiamkan diri dalam arus perkembangan politik di Sarawak demi mempertahankan hak-hak dan memelihara kepentingan kaumnya di Sarawak.

Jika dibandingkan dengan orang Melayu dan Dayak, kemunculan kesedaran politik di kalangan orang Cina agak lambat. Ini mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama, sejak pemerintahan Brooke orang Cina dilayan sebagai komuniti asing di mana mereka ditadbir secara tidak langsung melalui ketua yang dilantik.

Keadaan ini bertambah rumit lagi kerana orang Cina mengamalkan sistem ekonomi dan budaya hidup mereka sendiri serta mempunyai sistem pendidikan yang terasing daripada kaum lain. Walau bagaimanapun mulai 1950-an, orang Cina mula bangkit menuntut hak-hak mereka dan ini dapat dilihat melalui penglibatan mereka dalam polisi kerajaan seperti kenaikan lesen perniagaan, akta bantuan kerajaan dalam pendidikan serta soal bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah. Malahan mereka juga mula terlibat secara langsung dalam pilihanraya tempatan dan penubuhan SUPP. Perkembangan pengaruh komunis di kalangan orang Cina telah menyebabkan mereka diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

¹ *Utusan Sarawak*, 3 Mei 1951, hlm. 2.

² *Utusan Sarawak*, 16 Jun 1960, hlm. 2.

³ *Sarawak By The Week*, 8 September-14 September 1957, hlm. 1.

⁴ *Utusan Sarawak*, 23 Julai 1960, hlm. 1.

⁵ *The Borneo Bulletin*, 12 Mei 1962, hlm. 5.

⁶ M.O. Ariff, *The Philippines Claim To Sabah, its Historical, Legal and Political Implications*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970), hlm. 53. Lihat juga Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976), hlm. 35-36.

⁷ *Utusan Sarawak*, 24 November 1960, hlm. 2.

⁸ Ibid.

⁹ Lihat *The Borneo Bulletin*, 24 Disember 1954, hlm. 3. Kenaikan kadar bayaran lesen perniagaan juga adalah kesan daripada Laporan Woodhead dan akta baru kerajaan untuk memperluaskan kawalan terhadap pelajaran. Rujuk Bab 4 (Akta Bantuan Kewangan dalam Pelajaran).

¹⁰ *The Sarawak Gazette*, 7 Disember 1994, hlm. 46. *The Borneo Bulletin*, 24 Disember 1954, hlm. 3. Michael B. Leigh, *The Rising Moon*, hlm. 12. John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, hlm. 115.

¹¹ *Utusan Sarawak*, 8 Disember 1954, hlm. 2.

¹² *The Borneo Bulletin*, 24 Disember 1954, hlm. 3.

¹³ *Utusan Sarawak*, 8 Disember 1954, hlm. 2.

¹⁴ *Utusan Sarawak*, 11 Disember 1954, hlm. 2 dan 4. Rujuk juga *The Sarawak Tribune*, 3 Disember 1954, hlm. 2.

¹⁵ Perkataan "Hartal" (closure) telah diambil dari bahasa India yang bersamaan dengan "Hari Kesedihan" ataupun sekarang dikatakan sebagai "Hari Mogok". *Utusan Sarawak*, 12 Januari 1955, hlm. 2.

¹⁶ *Utusan Sarawak*, 1 Januari 1955, hlm. 2; 12 Januari 1955, hlm. 2. Bagi Sarikei, lihat *The Sarawak Tribune*, 29 Disember 1954, hlm. 2; untuk Binatang, rujuk *The Sarawak Tribune*, 30 Disember 1954, hlm. 2; untuk Sibu pula lihat *The Sarawak Tribune*, 31 Disember 1954, hlm. 1; 4 Januari 1955, hlm. 1.

¹⁷ *Utusan Sarawak*, 1 Januari 1955, hlm. 2; 8 Januari 1955, hlm. 2.

¹⁸ *The Borneo Bulletin*, 24 Disember 1954, hlm. 3.

¹⁹ *Utusan Sarawak*, 5 Januari 1955, hlm. 2

²⁰ John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, hlm. 115 Michael B. Leigh, *Council Negri: Dewan Undangan Negeri Sarawak*, hlm. 82

²¹ E.W. Woodhead, Ketua Pegawai Pendidikan dari Kent, England. Laporan Woodhead menarik perhatian terhadap kelemahan-kelemahan dalam pendidikan rendah, kurikulum sekolah, buku-buku teks yang sesuai dan cara-cara yang tidak seimbang dalam peruntukan geran kewangan kepada sekolah-sekolah Rujuk Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 145-146 Michael B. Leigh, *The Rising Moon*, hlm. 11. John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, hlm. 114. Lihat juga *The Sarawak Gazette*, 31 Mei 1955, hlm. 100.

²² Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak ditubuhkan pada tahun 1924 semasa Sarawak di bawah pemerintahan Charles Vyner Brooke. Jabatan Pelajaran ditubuhkan dengan tujuan mengawal perjalanan sekolah-sekolah di Sarawak. Setiap sekolah yang ada di Sarawak didaftarkan di jabatan ini. Tugasnya yang kedua ialah melawat dan memeriksa sekolah-sekolah itu. Ketiga, mengkaji buku-buku teks yang digunakan Keempat, mengawal tata tertib di sekolah. Kelima, memastikan bantuan kerajaan digunakan dengan betul. Pengarah Pelajaran yang pertama ialah A.F. Lawrence. Selepas itu digantikan oleh H. Jacques dari tahun 1929 hingga 1932. Pada tahun 1933, Jabatan itu telah ditutup disebabkan berlakunya kemelesetan ekonomi di Sarawak. Tetapi dibuka semula pada tahun 1939 dan hanya bertanggungjawab ke atas sekolah Melayu dan mualih tetapi bukan sekolah Cina. Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 69. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm. 67-68. Prof. Khoo Kay Kim & Mohd Fadzil Othman (penyusun), *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), hlm. 182. *The Sarawak Gazette*, 31 Disember 1960, hlm. 279.

²³ Di bawah Akta Bantuan ini, kerajaan memberi bantuan kewangan kepada perbelanjaan sekolah setelah ditolak dengan hasil dari yuran dengan kadar yang ditetapkan oleh kerajaan dan selepas mengambil kira peratusan pelepasan yuran dan wang biayaan daripada orang awam. Guru-guru menerima gaji yang sama dengan kakitangan dalam perkhidmatan kerajaan. Soal perlantikan, perpindahan dan pemecatan guru-guru diuruskan oleh Pengarah Pelajaran. Dengan itu guru-guru dapat menikmati faedah di bawah skim gaji kerajaan dan memperolehi jaminan yang sepatutnya dalam kerjaya mereka. *Utusan Sarawak*, 1 Oktober 1955, hlm. 2; 13 Mac 1957, hlm. 2. *The Sarawak Gazette*, 31 Mei 1955, hlm. 100; 30 Ogos 1955, hlm. 186. Lihat juga *Sarawak Annual Report 1956*, (Kuching: Government Printing Office, 1957), hlm. 67. Michael B. Leigh, *The Rising Moon*, hlm. 11. Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 80. Di Tanah Melayu, sistem bantuan telah diperkenalkan kepada sekolah-sekolah Cina sejak tahun 1923 lagi. Maklumat lanjut, lihat D.D. Chelliah, *A Short History of Education Policy in the Straits Settlements*, (Singapore: G.H. Kiat, 1960), hlm. 82. Francis Wong Hay Kee & Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, hlm. 11-12. Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, hlm. 20.

²⁴ *Sarawak Annual Report 1956*, hlm. 67. Lihat juga Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 151.

²⁵ Untuk keterangan lanjut, sila rujuk *Utusan Sarawak*, 14 September 1955, hlm. 4.

²⁶ E.W. Woodhead, *The Financing of Education and Conditions of Service in the Teaching Profession*, (Kuching: Government Printing Office, 1957), hlm. 32. Lihat juga Sarawak Education Department, *Annual Summary 1956*, (Kuching: Government Printing Office, 1957), hlm. 2. *Utusan Sarawak*, 17 September 1955, hlm. 4. *The Sarawak Gazette*, 31 Disember 1960, hlm. 230.

²⁷ Sebagaimana sekolah Cina di Sarawak, sekolah Cina di Tanah Melayu dibenarkan berkembang sendiri. Apabila kerajaan mendapati guru dan pelajar sekolah Cina bergiat aktif dalam kegiatan politik di China, kerajaan mula campur tangan dalam soal pelajaran Cina. Akta Bantuan Kewangan untuk sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu diperkenalkan pada tahun 1923. Tujuannya ialah untuk meletakkan sekolah-sekolah Cina di bawah penyeliaan dan kawalan kerajaan agar unsur politik yang tidak diingini tidak diajar di sekolah. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, hlm. 20 dan 65.

²⁸ *Utusan Sarawak*, 10 September 1955, hlm. 2.

²⁹ *Utusan Sarawak*, 26 November 1955, hlm. 3

³⁰ Ibid Lihat juga Michael Beckett Leigh, ‘The Development of Political Organization and Leadership in Sarawak, East Malaysia’, hlm. 16

³¹ Untuk maklumat lanjut, lihat *Sarawak By The Week*, 14 Ogos-20 Ogos 1960, hlm. 4

³² Nama-nama sekolah itu tidak dinyatakan Lihat *Sarawak Annual Report 1956*, hlm. 67 Rujuk juga Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 158 Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 91

³³ David Teng Lung Chi & Daniel Ngieng Kiong Ann, *The Challenges - SUPP in Focus*, (Sarawak Think Management Consultants and Services Sdn Bhd, 1990), hlm. 2 Lihat juga Joseph Camilleri, *Southeast Asia In China's Foreign Policy*, (Singapore: Institute of Southeast Asian, 1975), hlm. 26 Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak*, hlm. 53

³⁴ Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak*, hlm. 40 Craig A. Lockard, *From Kampung To City: A Social History of Kuching Malaysia 1820-1970*, (Athens: Ohio University, 1987), hlm. 168-169

³⁵ RRC didakwa sebagai “A people’s democracy under a people’s dictatorship, led by working class and based upon the alliance of workers and peasants, rallying to it all the democratic classes and the nationalities of China.” RRC berazam untuk “abolish the prerogatives of all imperialist nations in China; to confiscate bureaucratic capital, to transform the feudal system into a system of peasant proprietorship; to protect the economic interests and private property of the workers, peasants, and of small and the national bourgeoisie, and finally, to transform the country from an agricultural into an industrialized nation.” Sila lihat Richard C. Thornton, *China: A Political History 1917-1980*, (Colorado: Westview Press/Boulder, 1973), hlm. 231-233 Lihat juga Lionel Max Chassin, *The Communist Conquest of China*, (Cambridge: Harvard University Press, 1965), hlm. 238-244

³⁶ Bagi sambutan di Kuching, sila lihat *Chung Wha Journal*, 27 Januari 1950, hlm. 4 Untuk Bau, sila lihat *Chung Wha Journal*, 9 Februari 1950, hlm. 4 dan bagi sambutan di Sibu, sila lihat *Chung Wha Journal*, 22 Februari 1950, hlm. 4.

³⁷ Niew Shong Tong & Tien Ing Seng, *Kajian Mengenai Bangsa Cina Sarawak*, hlm. 198

³⁸ B. Simandjuntak, *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*, hlm. 141. Michael B. Leigh, *The Chinese Community of Sarawak*, hlm. 50. Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 77. *North Borneo News and Sahabat Times*, 15 Mac 1963, hlm. 2 Maklumat lanjut tentang tujuan penubuhan SOCDYL, lihat Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), hlm. 74-75.

³⁹ Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, hlm. 75.

⁴⁰ Ibid., hlm. 76.

⁴¹ Mengenai sejarah CCO dan kegiatannya, sila lihat *Sarawak By The Week*, 10 Mac-16 Mac 1963, hlm. 1-3. Lihat juga B. Simandjuntak, *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*, hlm. 141. Ahmad Nidzammuddin Sulaiman et-al, *Politik Sarawak*, hlm. 172. Lihat juga C.O. 947/32, Paper for the Information of the Malaysia Commission, 1960-1962, hlm. 38-40. *North Borneo News and Sahabat Times*, 15 Mac 1963, hlm. 2.

⁴² Lihat penubuhan SUPP dalam Bab 4

⁴³ *Utusan Sarawak*, 28 Julai 1960, hlm. 2.

⁴⁴ *Utusan Sarawak*, 4 Ogos 1960, hlm. 1.

⁴⁵ *Utusan Sarawak*, 18 Ogos 1960, hlm. 1.

⁴⁶ Fu Tze Man dilahirkan di Simanggang tetapi menetap di Sibu. *Utusan Sarawak*, 27 Ogos 1960, hlm. 1. *The Straits Times*, 5 September 1960, hlm. 8; 24 September 1960, hlm. 8.

⁴⁷ *Utusan Sarawak*, 27 Ogos 1960, hlm. 1. Lihat juga *The Straits Times*, 24 September 1960, hlm. 6; 4 Februari 1961, hlm. 5.

⁴⁸ Dua buah buku telah dijumpai dalam bilik mereka yang bertajuk *Cultivation and Development of Will Power and Personality* (China: The Youth Publishing Society) dan *Rudimentary Knowledge of Philosophy* (Shantung People’s Publishing Society). *The Borneo Bulletin*, 26 September 1959, hlm. 8-9.

⁴⁹ Antara artikel yang dirampas adalah “Revolutionary Struggle” dan “To Strive for the early

Liberation of our mother country". Lihat *Daily Express*, 4 Julai 1963, hlm. 7.

⁵⁰ *Sarawak By The Week*, 12 November-18 November 1961, hlm. 2.

⁵¹ *Utusan Sarawak*, 23 Julai 1960, hlm. 1.

⁵² Berikutannya pihak kerajaan telah mengeluarkan Kertas Putih yang bertujuan untuk menyedari penduduk tentang kewujudan pergerakan komunis di Sarawak dan cuba mendapat sokongan daripada semua bangsa untuk menumpaskannya. *Sarawak By The Week*, 17 Julai-23 Julai 1960, hlm. 1-9. *Utusan Sarawak*, 3 April 1952, hlm. 2. Lihat juga *The Borneo Bulletin*, 19 Jun 1954, hlm. 10. Lihat juga *North Borneo News and Sabah Times*, 4 Disember 1962, hlm. 2.

⁵³ *The Borneo Bulletin*, 4 Februari 1961, hlm. 1. Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 81.

⁵⁴ Tuntutan berkenaan tidak dinyatakan. *Utusan Sarawak*, 2 Februari 1961, hlm. 1. *The Borneo Bulletin*, 4 Februari 1961, hlm. 1.

⁵⁵ Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 80. Lihat juga *The Sarawak Tribune*, 30 Oktober 1951, hlm. 1; 1 Disember 1951, hlm. 1; 14 Februari 1952, hlm. 1. *The Sarawak Gazette*, 31 Disember 1952, hlm. 276.

⁵⁶ *The Sarawak Tribune*, 11 Julai 1951, hlm. 4; 30 Oktober 1951, hlm. 1; 1 Disember 1951, hlm. 1. Lihat juga Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 81 dan 91.

⁵⁷ *The Borneo Bulletin*, 26 September 1959, hlm. 8.

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ Ibid.

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ *The Sarawak Tribune*, 13 Ogos 1963, hlm. 3. Lihat juga Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 322.

⁶² Keterangan lanjut, sila lihat *Utusan Sarawak*, 23 April 1959, hlm. 1.

⁶³ Di antaranya cuma satu pertujuh sahaja adalah orang Cina, maka pihak komunis juga cuba mempengaruhi penduduk Bumiputera di Sarawak. Lihat *Sarawak By The Week*, 26 November-2 Disember 1961, hlm. 2. *The Borneo Bulletin*, 12 Ogos 1961, hlm. 3.

⁶⁴ *Sarawak By The Week*, 26 November-2 Disember 1961, hlm. 1.

⁶⁵ Ibid., hlm. 1-3. Lihat juga C.O. 947/32, *Paper for the Information of the Malaysia Commission*, 1960-1962, hlm. 112-122.

⁶⁶ Pencadang SFA menggunakan alasan hendak menjaga kebajikan sosial kaum petani. Tetapi cadangan itu telah ditolak oleh kerajaan selepas mendapati beberapa orang pencadang SFA adalah ahli komunis. Sarawak Information Service, *The Danger Within: A History of the Clandestine Communist Organisation in Sarawak*, (Kuching: Government Printing Office, 1963), hlm. 21. Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, hlm. 80-81.

⁶⁷ Maklumat lanjut, sila lihat *Sarawak By The Week*, 17 Julai-23 Julai 1960, hlm. 7-8.

⁶⁸ Keterangan lanjut, lihat "Full Text of White Paper" dalam *Sarawak By The Week*, 17 Julai-23 Julai 1960, hlm. 6-7. Lihat juga C.O. 947/32, *Paper for the Information of the Malaysia Commission*, 1960-1962, hlm. 38-39. Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 83-84. Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, hlm. 78-80. *The Straits Times*, 4 Mei 1962, hlm. 7. *The Sarawak Tribune*, 4 Ogos 1960, hlm. 1.

⁶⁹ *Utusan Sarawak*, 16 Februari 1961, hlm. 1.

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, hlm. 107-109. *Sarawak By The Week*, 26 November-2 Disember 1961, hlm. 2

⁷² Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak*, hlm. 44. John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, hlm. 107-109.

⁷³ First Armed Communist Incident in Sarawak at Batu Kitang Bazaar (Box Miscellaneous - C/A/d3, Arkib Negeri Sarawak). Lihat juga *Pedoman Ra'ayat*, Ogos 1952, hlm. 1-2.

⁷⁴ *Utusan Sarawak*, 28 Julai 1960, hlm. 1.

⁷⁵ Niew Shong Tong & Tien Ing Seng, *Kajian Mengenai Bangsa Cina Sarawak*, hlm. 198-199. John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, hlm. 107-109. *Sarawak By The Week*, 26 November-2 Disember

1961, hlm. 2 *The Borneo Bulletin*, 11 November 1961, hlm. 5, 16 Jun 1962, hlm. 11

⁷⁶ *Sarawak By The Week*, 17 Julai-23 Julai 1960, hlm. 1-9 Lihat *Sessional Paper No. 3 of 1960 dalam CO 947/32, Paper for the Information of the Malaysia Commission, 1960-1962*, hlm. 41-46

⁷⁷ Untuk keterangan lanjut, sila lihat Lampiran 17

⁷⁸ James Jackson, *Sarawak*, hlm. 59 Rujuk juga *North Borneo News and Sabah Times*, 9 Januari 1963, hlm. 6

